



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# SOROTAN PASARAN BURUH

## SUKU TAHUN KEDUA 2023

### Pemakluman:

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "*Connecting the World with Data We can trust*".

**Diterbitkan dan dicetak oleh:**

**Jabatan Perangkaan Malaysia**

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62514 Putrajaya,  
**MALAYSIA**

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: <a href="https://www.dosm.gov.my">https://www.dosm.gov.my</a>
Facebook / Twitter / Instagram	: StatsMalaysia
Emel	: <a href="mailto:info@dosm.gov.my">info@dosm.gov.my</a> (pertanyaan umum) : <a href="mailto:data@dosm.gov.my">data@dosm.gov.my</a> (pertanyaan & permintaan data)

Diterbitkan pada 25 Ogos 2023

**Hakcipta terpelihara.**

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

**eISSN 2735 – 0592**

# KATA PENGANTAR

Sorotan Pasaran Buruh (LMR) merupakan penerbitan suku tahunan oleh Biro Statistik Buruh Malaysia (MBLS), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Laporan ini bertujuan untuk membawa penghayatan statistik rasmi dalam kehidupan melalui ulasan dan perihalan trend semasa pasaran buruh. Justeru, statistik suku tahunan digabungkan dalam naratif supaya pengguna memperoleh gambaran yang komprehensif berkaitan pasaran buruh Malaysia.

Bahagian pertama LMR membentangkan kedudukan pasaran buruh Malaysia pada suku tahun kedua 2023 serta perkaitannya dengan prestasi ekonomi dan senario sosial negara dalam tempoh tersebut. Sorotan ini meliputi tiga dimensi utama berkaitan maklumat pasaran buruh negara yang merangkumi penawaran, permintaan dan produktiviti buruh. Satu segmen khusus yang memberi fokus kepada isu atau tema terpilih berkenaan dengan situasi pasaran buruh global dan nasional turut dimuatkan dalam laporan ini. Istimewanya dalam setiap edisi LMR suku tahunan, turut diketengahkan satu atau lebih artikel berkaitan isu-isu pasaran buruh melalui statistik, atau metodologi bagi memperkukuh statistik pasaran buruh. Jadual terperinci statistik siri masa suku tahunan yang berkaitan dengan tiga dimensi pasaran buruh turut disertakan.

Laporan ini akan menghuraikan perubahan tahun ke tahun selain perubahan jangka pendek dari suku sebelumnya bagi mengkaji kesan langsung daripada peristiwa terkini. Pengguna dinasihatkan untuk mentafsirkan perubahan suku tahunan dengan berhati-hati kerana statistik ini tidak dibuat pelarasan musim. LMR boleh digunakan oleh penggubal dasar, ahli akademik, ahli ekonomi, penyelidik dan pengguna lain dalam kajian berkaitan pasaran buruh.

DOSM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan laporan ini. Pandangan dan cadangan ke arah penambahbaikan penerbitan ini pada masa hadapan amat dihargai. Diharapkan laporan ini dapat memenuhi keperluan terhadap statistik pasaran buruh yang semakin meningkat.

**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**

Ketua Perangkawan Malaysia

Ogos 2023

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

# KANDUNGAN

Kata Pengantar	i
Kandungan	iii
Glosari	iv
Akronim	vi
Infografik ST1 2023	vii

<b>Sorotan Utama</b>	<b>1</b>
----------------------	----------

<b>Pendahuluan</b>	<b>3</b>
--------------------	----------

Pasaran buruh Malaysia mengekalkan trend peningkatan pada suku kedua 2023, walaupun dengan pertumbuhan perlahan dalam guna tenaga dan penurunan lebih kecil bagi penganggur

<b>Penawaran Buruh</b>	<b>5</b>
------------------------	----------

<b>Permintaan Buruh</b>	<b>26</b>
-------------------------	-----------

<b>Produktiviti Buruh</b>	<b>35</b>
---------------------------	-----------

<b>Upah Pekerja</b>	<b>41</b>
---------------------	-----------

<b>Menuju Ke Hadapan</b>	<b>48</b>
--------------------------	-----------

Gaji progresif untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan ekonomi

<b>Kesimpulan</b>	<b>51</b>
-------------------	-----------

<b>Artikel</b>	<b>53</b>
----------------	-----------

Tinjauan belia pasaran buruh malaysia

## Jadual Statistik

Penawaran Buruh, Malaysia, ST3 2020 - ST2 2023	<b>A1-A10</b>
--	---------------

Permintaan Buruh, Malaysia, ST3 2020 - ST2 2023	<b>B1-B8</b>
---	--------------

Produktiviti Buruh, Malaysia, ST3 2020 - ST2 2023	<b>C1-C8</b>
---	--------------

Upah Pekerja, Malaysia, ST1 2022- ST2 2023	<b>D1-D4</b>
--	--------------

## GLOSARI

---

Aktiviti ekonomi	: Merujuk kepada klasifikasi industri mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0 kepada lima sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Manakala sektor Pembuatan dan Perkhidmatan dibahagikan kepada subsektor.
Belia	: Penduduk yang berumur antara 15 hingga 24 tahun.
Bekerja	: Penduduk yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga (sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji). Mereka juga dianggap bekerja jika tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja dan tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.
Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran	: Merujuk kepada mereka yang mempunyai pendidikan tertiar dan bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah.
Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa	: Merupakan kumpulan yang bekerja kurang daripada 30 jam semasa minggu rujukan disebabkan keadaan kerja yang tidak mencukupi dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja.
Jawatan	: Jumlah buruh yang diperlukan oleh pertubuhan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan pada satu masa tertentu, merangkumi jawatan diisi dan kekosongan.
Jawatan diisi	: Pekerja bergaji (sepenuh masa dan sambilan); tidak termasuk pemilik perseorangan dan rakan niaga, pekerja keluarga tanpa gaji dan pekerja yang bercuti tanpa gaji.
Jumlah jam bekerja	: Agregat jam bekerja sebenar bagi tempoh satu suku tahunan ialah hasil darab pekerja dengan purata jam bekerja seminggu yang kemudiannya didarabkan dengan 13 minggu.
Kadar pengangguran	: Perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh, dalam bentuk peratusan.
Kategori kemahiran	: Untuk tujuan pelaporan, kategori pekerjaan di kelaskan kepada tiga tahap kemahiran mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2020 mengikut. Mahir - 1. Pengurus; 2. Profesional; 3. Juruteknik dan professional bersekutu; Separuh mahir - 4. Pekerja sokongan pengkeranian; 5. Pekerja perkhidmatan dan penjualan; 6. Pekerja mahir pertanian, perhutanan, dan perikanan; 7. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; 8. Operator loji dan mesin serta pemasangan; Berkemahiran rendah - 9. Pekerjaan asas.

## GLOSARI

---

- Kadar penyertaan tenaga buruh : Perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja, dalam bentuk peratusan.
- Kekosongan : Jawatan yang wujud dan tersedia untuk diisi tetapi belum diisi. Majikan secara aktif cuba mendapatkan calon melalui proses mengiklankan kekosongan, mengeluarkan notis dan berdaftar dengan agensi pekerjaan serta menjalankan temuduga untuk memilih calon bagi mengisi kekosongan.
- Luar tenaga buruh : Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur termasuk suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), pesara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.
- Majikan : Merujuk kepada orang yang telah menerima pekerja melalui kontrak perkhidmatan atau perantisan termasuk; (i) pengurus, ejen atau orang yang bertanggungjawab bagi pembayaran gaji atau upah kepada pekerja; (ii) mana-mana badan sama ada berkanun atau tidak diperbadankan; dan (iii) mana-mana badan Kerajaan, Jabatan Kerajaan, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan atau badan lain yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan, jika seseorang pekerja bekerja dengan mana-mana Kerajaan, jabatan, pihak berkuasa atau badan itu atau dengan mana-mana pegawai bagi pihak mana-mana Kerajaan, jabatan, pihak berkuasa atau badan, pegawai yang mempunyai pekerja dibawahnya dikira sebagai majikan: Dengan syarat bahawa tiada pegawai boleh bertanggungjawab secara peribadi di bawah Akta bagi perkara-perkara yang dilakukan oleh seorang pekerja majikan tersebut.
- Menganggur : Mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan tetapi berminat untuk bekerja dan sedang mencari pekerjaan. Dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.
- Nilai ditambah : Perbezaan di antara output dan penggunaan perantaraan. Ia merupakan nilai ditambah barangan dan perkhidmatan dalam aktiviti ekonomi. Oleh itu, ia hampir menyamai dengan keuntungan perniagaan, gaji dan upah, susut nilai dan cukai tidak langsung; campur faedah yang dibayar dan tolak faedah yang diterima.
- Nisbah guna tenaga kepada penduduk : Perkadaran penduduk yang bekerja kepada jumlah penduduk dalam kumpulan umur bekerja, dalam bentuk peratusan.
- Pekerja : Merujuk kepada orang yang bekerja sama ada melalui kontrak perkhidmatan atau perantisan, sama ada bertulis atau lisan dan sama ada tersurat atau tersirat, untuk bekerja dengan majikan.
- Pencapaian pendidikan : Merujuk kepada peringkat tertinggi seseorang itu telah menamatkan atau sedang mengikuti persekolahan di institusi pendidikan awam atau swasta yang menyediakan pendidikan rasmi.

## GLOSARI

---

- Pewujudan jawatan : Jawatan yang diwujudkan dalam sesebuah organisasi yang mana jawatan tersebut belum pernah tersedia sebelum ini, termasuk skim perkhidmatan yang baru digubal, jawatan yang diwujudkan untuk kenaikan pangkat pekerja sedia ada dan penambahan bilangan jawatan daripada struktur sedia ada.
- Produktiviti buruh : Merujuk kepada kecekapan dan keberkesanan setiap pekerja untuk menjana nilai ditambah atau output keseluruhan. Ia dikira menggunakan nisbah nilai ditambah kepada jumlah jam bekerja atau pekerja mengikut sektor di Malaysia.
- Taraf pekerjaan : Merujuk kepada kedudukan atau taraf seseorang yang bekerja di dalam pertubuhan atau organisasi di mana beliau bekerja dan disesuaikan berasaskan *International Classification of Status in Employment (ICSE-93)*.
- Tenaga buruh : Penduduk dalam kumpulan umur bekerja (dalam tahun mengikut ulang tahun kelahiran yang lepas), sama ada bekerja atau menganggur, dalam minggu rujukan.
- Umur bekerja : Penduduk yang berumur 15 hingga 64 tahun sama ada berada di dalam tenaga buruh atau di luar tenaga buruh.
- Upah : Merujuk kepada semua ganjaran dalam bentuk wang yang dibayar sepanjang tempoh rujukan kepada pekerja. Anggaran upah termasuk bonus, komisen, dan elaun mengikut definisi sumber data. Tidak termasuk: (i) caj perkhidmatan; (ii) bayaran kerja lebih masa; (iii) ganjaran; (iv) faedah persaraan; (v) faedah pengurangan pekerja, pemberhentian atau penamatan; (vi) mana-mana elaun perjalanan atau nilai mana-mana konsesi perjalanan; atau (vii) mana-mana saraan atau bayaran lain sebagaimana yang dikecualikan oleh Menteri.

## AKRONIM

---


DOSM	: Jabatan Perangkaan Malaysia
ILO	: International Labour Organization
IMF	: International Monetary Fund
KDNK	: Keluaran Dalam Negeri Kasar
KPTB	: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh
MASCO	: Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia
MSIC	: Piawaian Pengelasan Industri Malaysia
RM	: Ringgit Malaysia
SDG	: Matlamat Pembangunan Mampan
ST	: Suku Tahun
STB	: Survei Tenaga Buruh

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**




# SOROTAN PASARAN BURUH, SUKU KEDUA 2023

Pasaran buruh Malaysia mengekalkan trend peningkatan pada suku kedua 2023, walaupun dengan pertumbuhan perlahan dalam guna tenaga dan penurunan lebih kecil bagi penganggur





**Penduduk bekerja** meningkat sebanyak **2.8 peratus** berbanding suku yang sama tahun 2022



## Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB)

meningkat **0.8 mata peratus** berbanding ST2 2022 mencatatkan **70.0 peratus**



**Penganggur** menurun **9.5 peratus** tahun ke tahun, kadar pengangguran kekal pada **3.5 peratus**

## Luar Tenaga Buruh

**7.18 juta orang** pada ST2 2023


% YoY: **-1.1%**

Lebih daripada **80 peratus** tidak mencari kerja kerana bersekolah dan kerja rumah




\*merujuk kepada orang yang melanjutkan pelajaran, kurang upaya, tidak berminat/ baru tamat pengajian dan bersara/ lanjut umur

Kadar **guna tenaga tidak penuh berkaitan masa** menurun 0.2 peratus tahun-ke-tahun  
Kadar **guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran** meningkat 0.7 mata peratus berbanding setahun lalu




## Jumlah jam bekerja

meningkat **4.0 peratus** berbanding suku yang sama tahun 2022




## Produktiviti Buruh per Pekerja

menunjukkan peningkatan marginal sebanyak **0.02 peratus**



## Produktiviti Buruh per Jam Bekerja

menurun 1.1 peratus pada ST2 2023



**ST2 2023**

**8.83** juta jawatan  
Jawatan dalam sektor ekonomi meningkat 2.4 peratus berbanding ST2 2022

**Jawatan diisi**  
Pertumbuhan **2.5%** YoY

**Kekosongan**  
Pertumbuhan **-0.9%** YoY

(juta)

ST2-23	8.64
ST1-23	8.61
ST2-22	8.43

(ribu)

ST2-23	189.5
ST1-23	192.6
ST2-22	191.3

Lebih daripada separuh peluang pekerjaan pada ST2 2023 adalah dalam sektor **Pembuatan**

**97.9%** Kadar jawatan diisi

**2.1%** Kadar kekosongan

**Pewujudan jawatan**  
bertambah sebanyak 2.5 ribu dari suku yang sama 2022

Suku	Pewujudan jawatan ('000)	% YoY
ST2-22	29.4	81.8
ST1-23	31.7	22.7
ST2-23	31.9	8.6

Pada Mac 2023, **6.45 juta** penduduk bekerja sektor formal  
% YoY: **0.9%**

**Taburan Upah Bulanan**

**34.8%** (2.25 juta) pekerja sektor formal Malaysia berpendapatan di bawah RM2,000 pada Mac 2023

**2.25 juta pekerja**

**Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST1 2023**

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

## Sorotan Utama pada Suku Tahun Kedua 2023

---

- Pasaran buruh Malaysia mengekalkan trend peningkatan pada suku kedua 2023, walaupun dengan pertumbuhan perlahan dalam guna tenaga dan penurunan lebih kecil bagi penganggur
  - Pada ST2 2023, tenaga buruh terus bertambah baik dengan peningkatan sebanyak 2.4 peratus tahun ke tahun untuk merekodkan 16.73 juta orang. Justeru, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) meningkat sebanyak 0.8 mata peratus kepada 70.0 peratus, KPTB tertinggi yang pernah dicatatkan. Bilangan penduduk bekerja terus meningkat walaupun pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.8 peratus kepada 16.15 juta orang pada suku tahun tersebut dengan nisbah guna tenaga kepada penduduk meningkat kepada 67.5 peratus. Pada masa yang sama, bilangan penganggur menurun 9.5 peratus kepada 581.4 ribu orang, mencatatkan kadar pengangguran 3.5 peratus, secara perlahan-lahan kembali ke tahap prapandemik.
  - Bilangan penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu mencatatkan penurunan sebanyak 13.6 peratus daripada ST2 2022 kepada 280.4 ribu orang disokong oleh pertumbuhan dalam guna tenaga dan upah sepanjang ST2 2023. Sehubungan itu, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa menurun kepada 1.2 peratus. Sementara itu, guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran yang merangkumi lebih satu pertiga daripada penduduk bekerja dengan pendidikan tertiar meningkat 0.7 mata peratus kepada 37.4 peratus daripada ST2 2022 dan kekal sama seperti pada suku tahun sebelumnya.
  - Melihat kepada permintaan buruh dalam sektor ekonomi, bilangan jawatan meningkat 2.4 peratus tahun ke tahun untuk merekodkan sejumlah 8.83 juta jawatan. Jawatan diisi yang merangkumi 97.9 peratus, meningkat 2.5 peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya kepada 8.64 juta. Namun, peluang pekerjaan dalam sektor ekonomi yang ditunjukkan oleh bilangan kekosongan jawatan menurun secara marginal sebanyak 0.9 peratus kepada 189.6 ribu kekosongan. Selain itu, terdapat 31.9 ribu pewujudan jawatan di sektor swasta pada ST2 2023.
  - Dengan ekonomi Malaysia yang berkembang sederhana 2.9 peratus, manakala guna tenaga mengekalkan pertumbuhannya positifnya, produktiviti buruh yang diukur berdasarkan nilai ditambah per pekerja mencatatkan sedikit peningkatan 0.02 peratus mencatatkan nilai RM23,407 per pekerja pada ST2 2023. Pada tempoh masa yang sama, jumlah jam bekerja melonjak 4.0 peratus kepada 9.30 bilion jam. Oleh itu, produktiviti buruh per jam bekerja jatuh 1.1 peratus mencatatkan nilai produktiviti buruh pada RM40.6 per jam.
  - Penawaran dan permintaan buruh kekal stabil pada ST2 2023 di samping ekonomi Malaysia berkembang sederhana didorong oleh tadbir urus yang berkesan, pengukuhan keyakinan pengguna dan keadaan perniagaan domestik yang lebih baik. Selepas merekodkan prestasi yang lebih baik pada separuh tahun pertama 2023, momentum pasaran buruh dijangka mengekalkan pertumbuhan yang stabil pada suku yang akan datang, disokong oleh pembangunan ekonomi yang berterusan, inisiatif kerajaan serta pelaburan berkualiti yang akan mewujudkan pekerjaan yang berkualiti dan bergaji tinggi. Walau bagaimanapun, prospek ini tertakluk kepada pelbagai cabaran global dan domestik yang berpunca daripada situasi luar jangka yang mungkin berlaku pada masa hadapan.
-

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

## 1. Pendahuluan

# Pasaran buruh Malaysia mengekalkan trend peningkatan pada suku kedua 2023, walaupun dengan pertumbuhan perlahan dalam guna tenaga dan penurunan lebih kecil bagi penganggur

Pemulihan dunia daripada kesan pandemik COVID-19, serta konflik antara Ukraine dan Rusia dan ketegangan geopolitik lain semakin mereda di tengah-tengah perbezaan yang semakin meluas antara sektor dan wilayah ekonomi. Pada Mei 2023, *World Health Organisation* (WHO) mengisytiharkan bahawa COVID-19 tidak lagi dikategorikan sebagai kecemasan kesihatan global. Kesannya, sebahagian besar rantai bekalan semakin pulih, dengan kos penghantaran dan masa penghantaran pembekalan kembali ke tahap prapandemik. Laporan *World Economic Outlook* terkini yang diterbitkan oleh *International Monetary Fund* (IMF) pada Julai 2023<sup>1</sup>, menunjukkan bahawa pemulihan ekonomi global kukuh dalam menghadapi cabaran yang muncul daripada inflasi teras yang berterusan, peningkatan kadar faedah, pandemik COVID-19 yang berterusan dan pencerobohan Rusia terhadap Ukraine. Sebagai tindak balas, IMF telah menyemak semula unjuran pertumbuhan ekonomi global, yang menjangkakan penurunan daripada anggaran 3.5 peratus pada 2022 kepada 3.0 peratus pada 2023 dan 2024.

Namun begitu, Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan unjuran pertumbuhan untuk Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia antara 4.0 peratus dan 5.0 peratus secara keseluruhannya pada tahun 2023, dipacu oleh permintaan domestik. Situasi sosioekonomi yang rancak secara berterusan pada ST2 2023, apabila rakyat Malaysia mengambil kesempatan daripada cuti panjang untuk menganjurkan perhimpunan sosial, meraikan Aidilfitri bersama keluarga dan rakan-rakan sepanjang April 2023. Ini mendorong kepada lonjakan dalam perjalanan domestik, penginapan dan peningkatan perbelanjaan isi rumah terhadap makanan tradisional, pakaian dan hadiah. Walaupun menghadapi cabaran pandemik dan masalah ekonomi, acara kebudayaan dan keagamaan ini merangsang aktiviti pengguna, menyumbang kepada pemulihan ekonomi Malaysia. Hasilnya, sektor Perkhidmatan terutamanya perdagangan runcit, penginapan, makanan & minuman dan pengangkutan menunjukkan prestasi perniagaan yang bertambah baik disebabkan oleh permintaan yang meningkat.

Pada ST2 2023, ekonomi Malaysia berkembang sederhana sebanyak 2.9 peratus, dipacu oleh pertumbuhan dalam sektor Pembinaan (6.2%), Perkhidmatan (4.7%) dan Pembuatan (0.1%). Sebaliknya, sektor Pertanian (-1.1%) dan Perlombongan & pengkuarian (-2.3%) mengalami penurunan pada suku tahun tersebut. Kesan asas yang tinggi turut mempengaruhi pertumbuhan ini pada ST2 2022, apabila ekonomi mengalami pertumbuhan kukuh disebabkan kesan pembukaan semula ekonomi dan pelaksanaan dasar. Walaupun pertumbuhan sektor Perkhidmatan menjadi sederhana dalam kedua-dua subsektor berkaitan pengguna dan perniagaan, sektor ini terus mendapat manfaat yang ketara daripada peningkatan perbelanjaan berkaitan pelancongan berikutan pembukaan semula sempadan antarabangsa Malaysia, sekali gus mempercepatkan pemulihan merentasi kesemua sektor ekonomi. Sementara itu, sektor Pembinaan mengekalkan momentum pertumbuhannya, didorong oleh kemajuan projek infrastruktur utama dan peningkatan aktiviti perdagangan khas. Keadaan cuaca buruk dan penyelenggaraan loji telah memberi kesan kepada pengeluaran komoditi, mengakibatkan penguncupan dalam sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian.


<sup>1</sup> *International Monetary Fund* (2023, July). *World Economic Outlook: Near-Term Resilience, Persistent Challenges*. Diambil daripada <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2023/07/10/world-economic-outlook-update-july-2023>

Perkembangan ini telah memupuk keadaan pasaran buruh yang stabil pada ST2 2023 sejak guna tenaga kekal meneruskan aliran menaik dengan peningkatan 2.8 peratus tahun ke tahun manakala penganggur berkurangan sebanyak 9.5 peratus pada suku tahun tersebut. Dari segi permintaan buruh, bilangan jawatan dalam sektor ekonomi meningkat sebanyak 2.4 peratus, dengan kekosongan jawatan menunjukkan aliran menurun sebanyak 0.9 peratus, menunjukkan lebih sedikit peluang pekerjaan dalam pasaran. Walau bagaimanapun, prestasi ekonomi yang menggalakkan pada suku tahun tersebut telah mewujudkan lebih banyak pekerjaan untuk memenuhi keperluan industri. Apabila melihat aliran pewujudan jawatan yang meningkat sedikit pada ST2 2023, keadaan ini mempunyai sebab untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat berikutan pemulihan ekonomi.

Carta 1.1:

### Guna tenaga, pengangguran dan keluaran dalam negeri kasar, ST1 2019 - ST2 2023

■ Peratus perubahan, tahun ke tahun (%)



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia dan Akaun Negara, ST1 2023, DOSM


## 2. Penawaran Buruh

### 2.1 Tenaga buruh pada suku tahun kedua 2023

Penawaran buruh Malaysia bertambah baik pada ST2 2023 dengan bilangan tenaga buruh meningkat sebanyak 2.4 peratus, bertambah 384.2 ribu orang tahun ke tahun untuk merekodkan 16.73 juta orang [Carta 2.1]. Begitu juga, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) meningkat sebanyak 0.7 mata peratus kepada 70.0 peratus, merupakan KPTB tertinggi pernah direkodkan sebelum wabak COVID-19, iaitu dalam julat 67.7 peratus hingga 69.1 peratus bagi tempoh ST1 2017 hingga ST4 2019 [Carta 2.2].


Perbandingan suku tahun sebelumnya, bilangan tenaga buruh meningkat 0.5 peratus (+78.5 ribu) manakala KPTB pada suku tersebut meningkat 0.2 mata peratus.

Carta 2.1:  
**Tenaga Buruh, ST1 2019 - ST2 2023**



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Carta 2.2:  
**Kadar Penyertaan Tenaga Buruh, ST1 2019 - ST2 2023**




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Seterusnya bagi pecahan mengikut jantina, lelaki merangkumi lebih separuh daripada tenaga buruh negara dengan sumbangan 61.2 peratus pada ST2 2023. Tenaga buruh lelaki meningkat sebanyak 2.6 peratus tahun ke tahun atau bersamaan dengan pertambahan 261.1 ribu orang. Sementara itu, tenaga buruh perempuan merangkumi 38.8 peratus merekodkan peningkatan sebanyak 1.9 peratus berbanding suku sama tahun 2022, memperoleh tambahan seramai 123.1 ribu kepada 6.49 juta orang. Secara suku tahunan, kedua-dua lelaki dan perempuan masing-masing meningkat 0.5 peratus (+54.4 ribu) dan 0.4 peratus (+24.2 ribu) [Carta 2.3].


Carta 2.3:  
**Tenaga Buruh mengikut Jantina, ST2 2022, ST1 2023 & ST2 2023**

■ Lelaki ■ Perempuan

Peratus sumbangan (%)  
[Orang (juta)]



Peratus perubahan (%)




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Sepanjang suku tahunan, secara purata KPTB lelaki melebihi 80.0 peratus, hampir dua kali ganda lebih tinggi daripada kadar perempuan, iaitu sekitar 55.0 peratus. Pada ST2 2023, KPTB lelaki mencatatkan peningkatan sebanyak 1.0 mata peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya untuk merekodkan 82.8 peratus. Begitu juga, KPTB perempuan meningkat 0.4 mata peratus kepada 56.2 peratus. KPTB lelaki dan perempuan juga bertambah baik berbanding suku sebelumnya masing-masing sebanyak 0.2 mata peratus dan 0.1 mata peratus [Carta 2.4].

Carta 2.4:  
**Kadar Penyertaan Tenaga Buruh mengikut Jantina, ST1 2019 - ST2 2023**

● KPTB Lelaki (%) ● KPTB Perempuan (%)

Peratus (%)



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Pecahan mengikut kumpulan umur, mereka yang berumur 25 hingga 34 tahun merangkumi komposisi terbesar tenaga buruh, iaitu 33.9 peratus atau 5.68 juta orang. Sementara itu, tenaga buruh dalam kumpulan umur 35 hingga 44 tahun berada pada kedudukan kedua dengan 25.1 peratus diikuti belia berumur 15 hingga 24 tahun (17.0%), 45 hingga 54 tahun (16.2%) dan 55 hingga 64 tahun (7.7%).


Berdasarkan perbandingan tahun ke tahun, kesemua kumpulan umur menunjukkan pertumbuhan positif dalam tenaga buruh. Pertumbuhan yang paling ketara direkodkan oleh mereka yang berada dalam kumpulan umur tua iaitu 55 hingga 64 tahun, dengan pertambahan seramai 53.7 ribu orang (+4.4%), diikuti kumpulan umur belia berumur 15 hingga 34 tahun yang meningkat 83.2 ribu (+3.0%) dan kumpulan umur 35 hingga 44 tahun dengan pertambahan seramai 106.3 ribu (2.6%).

Walau bagaimanapun, bilangan tenaga buruh berbanding ST1 2023 menunjukkan penurunan bagi tiga kumpulan umur, iaitu 15 hingga 24 tahun, 35 hingga 44 tahun dan 45 hingga 54 tahun. Sementara itu, dua kumpulan umur lain merekodkan pertumbuhan positif suku ke suku **[Carta 2.5]**.

Carta 2.5:

### Tenaga Buruh mengikut Kumpulan Umur, ST2 2022, ST1 2023 & ST2 2023

■ 15-24 ■ 25-34 ■ 35-44 ■ 45-54 ■ 55-64




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Bagi penyertaan tenaga buruh mengikut kumpulan umur, dua kumpulan umur mencatatkan KPTB melebihi 80.0 peratus pada ST2 2023, dengan mereka yang berumur 25 hingga 34 tahun mencatatkan KPTB tertinggi pada 88.1 peratus, diikuti kumpulan umur 35 hingga 44 tahun pada 86.0 peratus. Selain itu, mereka yang berumur 45 hingga 54 tahun juga mencatatkan KPTB yang tinggi iaitu 76.0 peratus, melebihi KPTB negara iaitu 70.0 peratus pada ST2 2023. Kadar terendah direkodkan oleh kumpulan umur 55 hingga 64 tahun pada 45.6 peratus. Tahun ke tahun, kesemua kumpulan umur mencatatkan KPTB yang lebih tinggi berbanding ST2 2022.

Menariknya, pecahan terperinci bagi penyertaan tenaga buruh mengikut jantina dan kumpulan umur menunjukkan KPTB tertinggi adalah berbeza antara lelaki dan perempuan. KPTB lelaki melonjak melebihi 90.0 peratus bagi kumpulan umur 25 hingga 34 tahun dan kekal tinggi bagi kumpulan umur 45 hingga 54 tahun sebelum menurun bagi kumpulan umur tua iaitu 55 hingga 64 tahun. Pada ST2 2023, KPTB tertinggi direkodkan oleh lelaki berumur 35 hingga 44 tahun iaitu 97.9 peratus. Bagi perempuan, KPTB tertinggi bagi kumpulan umur 25 hingga 34 tahun, merekodkan 79.1 peratus pada ST2 2023. Walau bagaimanapun, KPTB perempuan jatuh bagi kumpulan umur yang lebih muda berbanding lelaki dan terus berkurang selari dengan peningkatan umur **[Carta 2.6]**.

Carta 2.6:  
**Kadar Penyertaan Tenaga Buruh mengikut Jantina & Kumpulan Umur, ST2 2022, ST1 2023 & ST2 2023**



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM


## 2. Penawaran Buruh

### 2.2 Guna tenaga pada suku tahun kedua 2023

Bilangan penduduk bekerja kekal dalam trend peningkatan walaupun pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.8 peratus (+444.9 ribu) tahun ke tahun, berbanding 3.1 peratus pada suku sebelumnya untuk merekodkan 16.15 juta orang [Carta 2.7]. Pada tempoh yang sama, keupayaan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan yang diukur oleh nisbah guna tenaga kepada penduduk meningkat 1.0 mata peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya, iaitu 67.5 peratus [Carta 2.8].


Perbandingan suku ke suku, bilangan penduduk bekerja meningkat sebanyak 0.5 peratus (+84.1 ribu). Oleh itu, nisbah guna tenaga kepada penduduk juga meningkat 0.2 mata peratus berbanding suku sebelumnya.

Carta 2.7:  
Guna Tenaga, ST1 2019 - ST2 2023



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Carta 2.8:  
Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk, ST1 2019 - ST2 2023



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2023, DOSM



Lelaki merangkumi hampir dua pertiga daripada penduduk bekerja dengan sumbangan 61.3 peratus (9.90 juta), manakala perempuan sebanyak 38.7 peratus (6.24 juta). Peningkatan bilangan penduduk bekerja daripada suku yang sama tahun 2022 disokong oleh kenaikan bagi kedua-dua jantina lelaki dan perempuan masing-masing sebanyak 3.2 peratus (+305.2 ribu) dan 2.3 peratus (+139.6 ribu). Kedua-dua kategori ini juga mencatatkan peningkatan suku ke suku di mana bilangan penduduk bekerja lelaki meningkat sebanyak 0.6 peratus dan penduduk bekerja perempuan meningkat 0.4 peratus [Carta 2.9].

Carta 2.9:

**Penduduk Bekerja mengikut Jantina, ST2 2022, ST1 2023 & ST2 2023**

■ Lelaki ■ Perempuan

Peratus sumbangan (%)  
[Orang (juta)]



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Analisis lanjut bagi penduduk bekerja mengikut kumpulan umur menggambarkan bahawa mereka yang berumur 25 hingga 34 tahun adalah penyumbang terbesar sebanyak 34.1 peratus, mewakili 5.51 juta orang pada ST2 2023. Ini diikuti 25.7 peratus (4.14 juta) berumur 35 hingga 44 tahun dan 16.6 peratus (2.68 juta) berumur 45 hingga 54 tahun. Dalam pada itu, penduduk bekerja belia berumur 15 hingga 24 tahun menyumbang sebanyak 15.8 peratus atau bersamaan 2.54 juta orang manakala kumpulan umur yang lebih tua 55 hingga 64 tahun merangkumi 7.8 peratus atau bersamaan dengan 1.26 juta orang.

Pada suku tahun tersebut, kumpulan umur yang lebih tua 55 hingga 64 tahun mengalami pertumbuhan tahun ke tahun paling ketara iaitu 4.0 peratus berbanding kumpulan umur yang lebih muda 15 hingga 44 tahun. Peningkatan terbesar bagi penduduk bekerja iaitu seramai 141.1 ribu orang (2.6%) direkodkan oleh kumpulan umur 25 hingga 34 tahun, diikuti kumpulan umur 35 hingga 44 tahun, bertambah 104.1 ribu orang (2.6%) untuk mencatatkan seramai 4.14 juta orang. Tambahan pula, belia berumur 15 hingga 24 tahun yang bekerja meningkat 3.3 peratus tahun ke tahun, bertambah 80.9 ribu, sekali gus menjadikan jumlah belia yang bekerja seramai 2.54 juta orang pada ST2 2023.



Berbanding suku sebelumnya, kesemua kohort umur meningkat dalam bilangan penduduk bekerja kecuali belia bekerja berumur 15 hingga 24 tahun, yang jatuh 1.0 peratus (-25.9 ribu) pada ST2 2023 [Carta 2.10].

Carta 2.10:

### Penduduk Bekerja mengikut Kumpulan Umur, ST2 2022, ST1 2023 & ST2 2023

■ 15-24 ■ 25-34 ■ 35-44 ■ 45-54 ■ 55-64

Peratus sumbangan (%)  
[Orang (juta)]



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Kebanyakan penduduk bekerja berada dalam kategori pekerjaan separuh mahir yang merangkumi 59.2 peratus atau 9.55 juta orang pada ST2 2023. Kategori ini meningkat sebanyak 2.1 peratus (+184.0 ribu) berbanding suku yang sama tahun lalu. Tambahan pula, kategori pekerjaan mahir yang merangkumi 27.9 peratus daripada jumlah penduduk bekerja meningkat sebanyak 2.9 peratus (+125.6 ribu) tahun ke tahun, mencatatkan 4.51 juta orang, manakala baki 12.9 peratus berada dalam kategori pekerjaan berkemahiran rendah, meningkat sebanyak 7.0 peratus (+135.3 ribu) menyumbang 2.08 juta orang [Carta 2.11].


Berbanding suku tahun sebelumnya, bilangan penduduk bekerja dalam kesemua tahap kemahiran merekodkan peningkatan walaupun pada kadar yang lebih perlahan. Kategori separuh mahir meningkat 0.4 peratus (+37.2 ribu) daripada ST1 2023. Sementara itu, bilangan dalam kategori mahir dan berkemahiran rendah masing-masing meningkat 0.6 peratus (+25.4 ribu) dan 1.0 peratus (+21.4 ribu).

Carta 2.11:


### Penduduk Bekerja mengikut Tahap Kemahiran, ST1 2022 - ST2 2023

■ Penduduk bekerja ● Tahun ke tahun (%)

Orang (juta)



Peratus perubahan (%)




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Mengikut taraf pekerjaan, kesemua kategori penduduk bekerja menunjukkan trend positif tahun ke tahun pada ST2 2023, kecuali pekerja keluarga tanpa gaji. Kategori ini yang merangkumi 3.0 peratus daripada penduduk bekerja, menurun 1.2 peratus (-6.0 ribu) daripada ST2 2022 untuk merekodkan 490.3 ribu orang. Kategori pekerja yang terdiri daripada pekerja bergaji di sektor awam dan swasta, meliputi 75.0 peratus penduduk bekerja. Bilangan dalam kategori ini melonjak 1.9 peratus (+228.4 ribu) untuk merekodkan sejumlah 12.10 juta orang. Mereka yang bekerja sendiri meliputi pelbagai peranan termasuk pekerjaan tradisional sebagai petani, peruncit dan penjaja serta pekerjaan profesional seperti perunding dan bekerja bebas (freelance). Kumpulan ini yang merangkumi 18.4 peratus atau 2.97 juta orang mencatatkan peningkatan sebanyak 7.1 peratus (+195.8 ribu) berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Sementara itu, kategori majikan yang terdiri daripada 3.6 peratus penduduk bekerja meningkat sebanyak 4.8 peratus (+26.7 ribu) dan dengan itu menyumbang seramai 585.2 ribu orang pada ST2 2023 [Carta 2.12].

Walau bagaimanapun, perbandingan suku ke suku menunjukkan trend positif bagi kesemua kategori. Kategori pekerja meningkat 0.4 peratus (+45.5 ribu), diikuti oleh bekerja sendiri dengan peningkatan 1.1 peratus (+32.7 ribu). Sementara itu, kedua-dua kategori majikan dan pekerja keluarga tanpa gaji masing-masing meningkat sedikit sebanyak 0.6 peratus (+3.5 ribu) dan 0.5 peratus (+2.4 ribu).

Carta 2.12:

### Penduduk Bekerja mengikut Taraf Pekerjaan, ST1 2022 - ST2 2023



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Berdasarkan pecahan mengikut pencapaian pendidikan, peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja pada ST2 2023 disumbangkan oleh pertumbuhan mereka yang mempunyai pendidikan menengah sebanyak 2.9 peratus (+254.8 ribu) berbanding suku yang sama tahun sebelumnya kepada 9.16 juta. Begitu juga, penduduk bekerja dengan pendidikan tertiar meningkat sebanyak 4.5 peratus (+219.3 ribu) manakala mereka yang tiada pendidikan formal meningkat 0.8 peratus (+3.7 ribu), masing-masing mencatatkan 5.12 juta dan 474.2 ribu orang penduduk bekerja. Sebaliknya, mereka yang berpendidikan rendah mencatatkan bilangan penduduk bekerja yang lebih rendah, di mana turun sebanyak 2.3 peratus (-32.9 ribu) tahun ke tahun kepada 1.40 juta orang [Carta 2.13].


Walau bagaimanapun, peningkatan suku tahunan bilangan penduduk bekerja adalah disebabkan oleh pertumbuhan positif dalam tiga kategori pencapaian pendidikan iaitu tiada pendidikan formal, menengah dan tertiar. Sementara itu, penduduk bekerja yang berpendidikan rendah berkurang sebanyak 2.9 peratus (-42.4 ribu) berbanding ST1 2023.

Carta 2.13:


### Penduduk Bekerja mengikut Pencapaian Pendidikan, ST2 2022, ST1 2023 & ST2 2023

■ Tertiar ■ Menengah ■ Rendah ■ Tiada pendidikan formal

Peratus sumbangan (%)  
[Orang (juta)]



Peratus perubahan (%)



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM


## 2. Penawaran Buruh

### 2.3 Guna tenaga tidak penuh pada suku tahun kedua 2023

Pada ST2 2023, bilangan penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu mencatatkan penurunan sebanyak 13.6 peratus (-44.0 ribu) daripada ST2 2022 kepada 280.4 ribu orang. Kumpulan ini mewakili sumbangan 1.7 peratus daripada penduduk bekerja, menyusut sebanyak 0.4 mata peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Trend yang sama dapat diperhatikan secara suku tahunan apabila bilangan penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu meningkat 2.3 peratus (+6.2 ribu) manakala sumbangannya kekal seperti suku sebelumnya [Carta 2.14].

Carta 2.14:

#### Penduduk Bekerja Kurang dari 30 Jam, ST1 2021 - ST2 2023




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Sehubungan itu, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa menurun 0.2 mata peratus tahun ke tahun kepada 1.2 peratus. Bilangan penduduk bekerja dalam kategori guna tenaga tidak penuh berkaitan masa berkurang sebanyak 12.5 peratus (-26.5 ribu) berbanding suku yang sama tahun 2022 untuk merekodkan seramai 186.3 ribu orang. Sebaliknya, suku ke suku mencatatkan bilangan guna tenaga tidak penuh berkaitan masa meningkat 6.7 peratus (+11.7 ribu) manakala kadarnya meningkat 0.1 mata peratus [Carta 2.15].

Carta 2.15:

#### Guna Tenaga Tidak Penuh Berkaitan Masa, ST1 2021 - ST2 2023




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Satu lagi dimensi ketidakecakapan buruh adalah dikaitkan dengan kemahiran atau secara umumnya didefinisikan sebagai golongan yang ingin mengubah situasi pekerjaan semasa mereka bagi memanfaatkan sepenuhnya kemahiran mereka dalam pekerjaan. Berdasarkan ketersediaan data dari Survei Tenaga Buruh (STB), indikator ini diukur menggunakan proksi pemboleh ubah pekerjaan dan pencapaian pendidikan. Pada ST2 2023, bilangan penduduk bekerja dalam guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran meningkat sebanyak 6.4 peratus atau bertambah 115.0 ribu berbanding suku yang sama tahun sebelumnya, kepada 1.91 juta orang. Justeru, sumbangan penduduk berpendidikan tertiar yang bekerja dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah meningkat sebanyak 0.7 mata peratus kepada 37.4 peratus [Carta 2.16].

Berbanding ST1 2023, penduduk bekerja dalam guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran mencatatkan peningkatan sebanyak 0.4 peratus (+7.4 ribu) manakala kadarnya kekal. Walaupun merekodkan peningkatan, lebih satu pertiga daripada penduduk bekerja yang berpendidikan tertiar berada dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah.

Carta 2.16:

**Guna Tenaga Tidak Penuh Berkaitan Kemahiran, ST1 2021 - ST2 2023**



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM


## 2. Penawaran Buruh

### 2.4 Pengangguran pada suku tahun kedua 2023

Bilangan penganggur menurun 9.5 peratus atau bersamaan kepada pengurangan sebanyak 60.6 ribu orang berbanding suku yang sama tahun sebelumnya, merekodkan sejumlah 581.4 ribu penganggur pada ST2 2023 [Carta 2.17]. Sejalan dengan itu, kadar pengangguran negara berada pada 3.5 peratus selepas mencatatkan penurunan tahun ke tahun sebanyak 0.4 mata peratus. Situasi ini menunjukkan trend bilangan dan kadar pengangguran beransur-ansur kembali ke tahap prapandemik [Carta 2.18].


Situasi pengangguran juga bertambah baik berbanding ST1 2023, dengan bilangan penganggur menurun sebanyak 0.9 peratus (-5.5 ribu), walaupun kadar pengangguran kekal tidak berubah daripada suku sebelumnya.

Carta 2.17:  
Pengangguran, ST1 2019 - ST2 2023



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Carta 2.18:  
Kadar Pengangguran, ST1 2019 - ST2 2023



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM


Berhubung sumbangan penganggur mengikut jantina, lelaki merangkumi lebih separuh (58.3%) daripada jumlah pengangguran berbanding 41.7 peratus adalah perempuan. Pada ST2 2023, bilangan penganggur lelaki menurun sebanyak 11.5 peratus (-44.2 ribu) berbanding suku yang sama 2022, yang menyumbang seramai 339.1 ribu orang. Penganggur perempuan mengalami penurunan sebanyak 6.4 peratus (-16.6 ribu) tahun ke tahun untuk merekodkan 242.2 ribu orang. Walaupun terdapat trend penurunan yang konsisten dalam kalangan penganggur lelaki dan perempuan, secara suku tahunan, penganggur lelaki berkurangan sebanyak 1.9 peratus (-6.4 ribu), manakala penganggur perempuan meningkat sebanyak 0.4 peratus (+0.9 ribu) berbanding ST1 2023 [Carta 2.19].

Carta 2.19:


**Penganggur mengikut Jantina, ST2 2022, ST1 2023 & ST2 2023**

■ Lelaki ■ Perempuan

Peratus sumbangan (%)  
[Orang (ribu)]



Peratus perubahan (%)



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM


Walaupun sebahagian besar bilangan penganggur adalah lelaki, kadar pengangguran yang lebih tinggi dicatatkan oleh perempuan. Pada ST2 2023, kadar pengangguran bagi perempuan adalah 3.7 peratus, 0.4 mata peratus lebih tinggi daripada kadar pengangguran lelaki, 3.3 peratus. Kedua-dua kategori mengalami penurunan tahun ke tahun yang mana kadar pengangguran lelaki jatuh 0.5 mata peratus manakala kadar pengangguran perempuan turun 0.4 mata peratus. Berbanding dengan suku sebelumnya, kadar pengangguran lelaki menurun sedikit sebanyak 0.1 mata peratus, manakala kadar pengangguran bagi perempuan kekal sama [Carta 2.20].

Carta 2.20:

**Kadar Pengangguran mengikut Jantina, ST1 2019 - ST2 2023**

● Kadar pengangguran lelaki (%) ● Kadar pengangguran perempuan (%)

Peratus (%)





Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Lebih separuh (52.6%) penganggur adalah belia berumur 15 hingga 24 tahun, merangkumi 305.7 ribu orang pada ST2 2023. Ini diikuti oleh 28.5 peratus (165.7 ribu) berumur 25 hingga 34 tahun dan 9.7 peratus (56.5 ribu) dalam kumpulan umur 35 hingga 44 tahun. Golongan penganggur berumur 55 hingga 64 tahun mencatatkan sumbangan terendah sebanyak 4.2 peratus (24.1 ribu). Tahun ke tahun, bilangan penganggur dalam semua peringkat umur mencatatkan penurunan kecuali kumpulan umur 15 hingga 24 tahun dan 35 hingga 44 tahun, yang masing-masing meningkat sebanyak 0.8 peratus (+2.3 ribu) dan 4.0 peratus (+2.2 ribu). Berbanding dengan ST1 2023, tiga kumpulan umur mencatatkan peningkatan bilangan penganggur. Kumpulan umur 15 hingga 24 tahun menunjukkan peningkatan sebanyak 6.0 peratus (+17.3 ribu), manakala kumpulan umur 25 hingga 34 tahun dan 55 hingga 64 tahun masing-masing meningkat sebanyak 3.3 peratus (+5.3 ribu) dan 35.4 peratus (+6.3 ribu) [Carta 2.21].

Carta 2.21:  
**Penganggur mengikut Kumpulan Umur, ST2 2022, ST1 2023 & ST2 2023**

■ 15-24 ■ 25-34 ■ 35-44 ■ 45-54 ■ 55-64

Peratus sumbangan (%)  
 [Orang (ribu)]




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Penurunan kadar pengangguran pada ST2 2023 berbanding suku sama tahun sebelumnya dilihat bagi kesemua kumpulan umur. Penurunan terbesar sebanyak 1.0 mata peratus dialami oleh kumpulan umur 25 hingga 34 tahun kepada 2.9 peratus pada ST2 2023. Tambahan pula, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun sebanyak 10.7 peratus pada ST2 2023, secara berterusan mencatatkan kadar dua digit selepas jatuh kepada 9.9 peratus semasa tempoh prapandemik pada ST4 2019 [Carta 2.22].

Carta 2.22:  
**Kadar Pengangguran mengikut Kumpulan Umur, ST1 2019 - ST2 2023**

● 15-24 ● 25-34 ● 35-44 ● 45-54 ● 55-64

Peratus (%)




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Sejak ST3 2021, penganggur aktif membentuk hampir 90 peratus daripada jumlah pengangguran. Pada ST2 2023, kumpulan ini menyumbang sebanyak 84.9 peratus atau bersamaan 493.4 ribu orang. Kategori ini mengalami penurunan sebanyak 13.1 peratus (-74.1 ribu) berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Selain itu, bilangan penganggur tidak aktif mencatatkan peningkatan sebanyak 18.1 peratus (+13.5 ribu) kepada 88.0 ribu orang [Carta 2.23].

Carta 2.23:

### Penganggur Aktif dan Tidak Aktif, ST1 2019 - ST2 2023



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM



Bagi tempoh pengangguran dalam kalangan penganggur aktif, lebih daripada dua pertiga (64.5%) atau 318.1 ribu menganggur kurang dari 3 bulan. Mereka yang menganggur dalam jangka panjang atau lebih daripada setahun, yang merangkumi 7.0 peratus (34.7 ribu), telah mencatatkan penurunan sebanyak 4.9 peratus (-1.8 ribu) daripada ST2 2022. Penganggur aktif dalam semua kategori tempoh pengangguran merekodkan penurunan tahun ke tahun. Trend ini juga kekal konsisten bagi setiap suku tahunan untuk kesemua kategori, walaupun pada kadar yang lebih perlahan kecuali bagi mereka yang menganggur kurang dari 3 bulan yang mencatatkan peningkatan sebanyak 1.8 peratus (+5.7 ribu) [Carta 2.24].

Carta 2.24:

### Penganggur Aktif mengikut Tempoh Masa Menganggur, ST2 2022, ST1 2023 & ST2 2023

Kurang dari 3 bulan
  3 hingga kurang dari 6 bulan
  6 hingga kurang dari 12 bulan
  Lebih dari 1 tahun

Peratus sumbangan (%)  
[Orang (ribu)]




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

## 2. Penawaran Buruh

### 2.5 Luar tenaga buruh pada suku tahun kedua 2023

Melihat kepada penduduk luar tenaga buruh berbanding setahun yang lalu, bilangannya pada ST2 2023 menurun sebanyak 1.1 peratus (-78.3 ribu) untuk merekodkan 7.18 juta orang. Penurunan ini serta peningkatan tenaga buruh pada suku tersebut menggambarkan peralihan kumpulan tidak aktif untuk menyertai tenaga buruh. Begitu juga, bilangan luar tenaga buruh berkurang berbanding ST1 2023 walaupun pada kadar yang lebih perlahan iaitu negatif 0.5 peratus (-35.5 ribu) [Carta 2.25].

Carta 2.25:  
Luar Tenaga Buruh, ST1 2019 - ST2 2023




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Lebih daripada dua pertiga luar tenaga buruh adalah perempuan. Pada ST2 2023, sumbangan luar tenaga buruh bagi perempuan adalah 70.5 peratus atau bersamaan dengan 5.06 juta orang. Sementara itu, lelaki menyumbang 2.12 juta orang atau 29.5 peratus daripada luar tenaga buruh. Berbanding dengan ST2 2022, bilangan luar tenaga buruh lelaki menurun sebanyak 4.4 peratus (-98.2 ribu), manakala perempuan meningkat sebanyak 0.4 peratus (+19.8 ribu) bagi tempoh yang sama [Carta 2.26].


Carta 2.26:  
Luar Tenaga Buruh mengikut Jantina, ST2 2022, ST1 2023 & ST2 2023

■ Lelaki ■ Perempuan

Peratus sumbangan (%)  
[Orang (juta)]



Peratus perubahan (%)



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Pecahan luar tenaga buruh mengikut kumpulan umur pada ST2 2023, belia berumur 15 hingga 24 tahun menyumbang sebahagian besar sebanyak 46.4 peratus atau 3.33 juta orang. Kumpulan ini boleh dikaitkan dengan mereka yang masih dalam sistem pendidikan. Sementara itu, kumpulan umur lebih tua iaitu 55 hingga 64 tahun yang mungkin berada di luar tenaga buruh kerana bersara, berada pada kedudukan kedua dari segi komposisi dan menyumbang 21.4 peratus atau 1.54 juta orang.


Dalam perbandingan tahun ke tahun, kesemua kumpulan umur mencatatkan penurunan kecuali kumpulan umur 15 hingga 24 tahun, yang meningkat sebanyak 0.3 peratus (+10.2 ribu). Penurunan luar tenaga buruh adalah disebabkan oleh pengurangan 8.2 peratus (-61.4 ribu) dalam kumpulan umur 35 hingga 44 tahun dan penurunan sebanyak 1.2 peratus (-18.2 ribu) dalam kumpulan umur 55 hingga 64 tahun. Berbanding dengan ST1 2023, tiga kumpulan umur menunjukkan peningkatan dalam bilangan luar tenaga buruh, manakala kumpulan umur yang lain menunjukkan pengurangan [Carta 2.27].

Carta 2.27:


### Luar Tenaga Buruh mengikut Kumpulan Umur, ST2 2022, ST1 2023 & ST2 2023

■ 15-24 ■ 25-34 ■ 35-44 ■ 45-54 ■ 55-64

Peratus sumbangan (%)  
[Orang (juta)]



Peratus perubahan (%)



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Analisis selanjutnya bagi luar tenaga buruh lelaki dan perempuan mengikut kumpulan umur menunjukkan corak yang berbeza antara kedua-dua kumpulan ini. Pada ST2 2023, lebih separuh (62.8%) daripada luar tenaga buruh lelaki berada dalam kumpulan umur belia iaitu 15 hingga 24 tahun, diikuti oleh hampir satu per empat (23.1%) dalam kumpulan umur yang lebih tua 55 hingga 64 tahun. Hal ini menunjukkan bahawa kemasukan lelaki yang lebih lewat ke dalam pasaran buruh adalah disebabkan pendidikan, manakala kebanyakan mereka yang keluar dari pasaran buruh adalah kerana persaraan.


Begitu juga, sumbangan tertinggi luar tenaga buruh perempuan dilihat dalam kumpulan umur belia (39.6%), diikuti oleh kohort umur tertua (20.7%). Walau bagaimanapun, kombinasi kedua-dua kategori yang meliputi 60.3 peratus adalah jauh lebih rendah berbanding sumbangan lelaki dalam kumpulan umur yang sama (85.9%). Hal ini menyebabkan sebahagian besar luar tenaga buruh perempuan merentasi kumpulan umur yang lain iaitu antara 12.5 hingga 14.6 peratus, menunjukkan bahawa perempuan cenderung keluar daripada pasaran buruh lebih awal berbanding lelaki [Carta 2.28].

Carta 2.28:

### Luar Tenaga Buruh mengikut Jantina dan Kumpulan Umur, ST2 2022, ST1 2023 & ST2 2023

■ 15-24 ■ 25-34 ■ 35-44 ■ 45-54 ■ 55-64

#### Peratus sumbangan (%)



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST1 2023, DOSM

Dalam kalangan luar tenaga buruh, komposisi terbesar sebanyak 44.5 peratus adalah tidak mencari pekerjaan disebabkan oleh kerja rumah atau tanggungjawab keluarga. Kategori ini menunjukkan peningkatan sebanyak 4.4 peratus (+135.3 ribu) berbanding ST2 2022, yang mencatatkan 3.20 juta orang. Bersekolah atau program latihan berada pada kedudukan kedua dengan sumbangan sebanyak 41.2 peratus atau bersamaan dengan 2.95 juta orang. Berbanding suku yang sama pada 2022, bilangan dalam kategori ini menurun sebanyak 1.1 peratus (-34.3 ribu). Sementara itu, sebanyak 1.9 peratus daripada luar tenaga buruh yang tidak mencari pekerjaan kerana mereka sedang melanjutkan pelajaran berkurang sebanyak 10.7 peratus (-16.1 ribu) secara tahunan kepada 134.2 ribu orang, menunjukkan kumpulan ini berpotensi untuk menyertai buruh apabila tamat pengajian mereka. Peratus terendah sebab tidak mencari kerja adalah kerana tidak berminat atau baru tamat pengajian yang menyumbang 0.7 peratus atau 50.7 ribu orang [Paparan 2.1].

Paparan 2.1:

### Luar Tenaga Buruh mengikut Sebab Tidak Mencari Kerja, ST2 2022, ST1 2023 & ST2 2023

	ST2 2023 Orang ('000) (Peratus sumbangan)	Peratus perubahan (tahun ke tahun)	
		Peratus perubahan (suku ke suku)	
Bersekolah/ program latihan	2,955.5 (41.2%)	▼ -1.1%	ST2 2022: 2,989.8 (41.2%) ▼ -1.7% ST1 2023: 3,006.8 (41.7%)
Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga	3,195.1 (44.5%)	▲ 4.4%	ST2 2022: 3,059.8 (42.2%) ▲ 0.8% ST1 2023: 3,171.2 (43.9%)
Melanjutkan pelajaran	134.2 (1.9%)	▼ -10.7%	ST2 2022: 150.3 (2.1%) ▲ 4.7% ST1 2023: 128.3 (1.8%)
Kurang upaya	191.9 (2.7%)	▼ -21.7%	ST2 2022: 245.1 (3.4%) ▲ 10.0% ST1 2023: 174.4 (2.4%)
Tidak berminat/ baru tamat pengajian	50.7 (0.7%)	▼ -41.4%	ST2 2022: 86.5 (1.2%) ▼ -24.2% ST1 2023: 66.8 (0.9%)
Bersara/ lanjut usia	652.8 (9.1%)	▼ -10.2%	ST2 2022: 727.1 (10.0%) ▼ -2.3% ST1 2023: 668.3 (9.3%)

Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

## 2. Penawaran Buruh


### 2.6 Situasi tenaga buruh mengikut negeri pada suku tahun kedua 2023

Berdasarkan situasi tenaga buruh di peringkat negeri pada ST2 2023, lima negeri menunjukkan KPTB lebih tinggi berbanding 70.0 peratus yang dicatatkan di peringkat nasional, iaitu Selangor (77.1%), W.P. Putrajaya (76.8%), W.P. Kuala Lumpur (73.1%), Pulau Pinang (71.7%) dan Sabah (70.8%).

Berbanding suku yang sama tahun sebelumnya, kebanyakan negeri mencatatkan peningkatan KPTB kecuali W.P. Kuala Lumpur, Sarawak, Melaka, W.P. Labuan dan Perak. Pada ST2 2023, W.P. Putrajaya merekodkan perubahan positif tertinggi sebanyak 6.1 mata peratus kepada 76.8 peratus, manakala baki sembilan negeri yang lain mencatatkan peningkatan KPTB antara 0.5 dan 3.3 mata peratus. Trend ini menunjukkan penyertaan yang lebih tinggi penduduk umur bekerja di negeri masing-masing dalam pasaran buruh, sama ada yang sedang bekerja atau mencari pekerjaan [Carta 2.29].

Carta 2.29:

**Kadar Penyertaan Tenaga Buruh mengikut Negeri, ST2 2023**




Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Peningkatan bilangan penduduk bekerja pada ST2 2023 didorong oleh pertumbuhan positif tahun ke tahun di kebanyakan negeri, kecuali Sarawak, Perak, W.P. Kuala Lumpur dan Melaka. Pada ST2 2023, Sabah yang merangkumi 12.6 peratus daripada guna tenaga negara, merekodkan pertambahan bilangan penduduk bekerja yang paling ketara sebanyak 152.2 ribu (8.1%) kepada 2.04 juta orang. Ini diikuti oleh Selangor dengan sumbangan 23.5 peratus atau 3.79 juta penduduk bekerja selepas peningkatan sebanyak 3.9 peratus (+141.6 ribu) tahun ke tahun.

Sebaliknya, bilangan penduduk bekerja di Perak yang merangkumi 6.7 peratus daripada guna tenaga negara, mengalami penurunan 1.7 peratus (-18.7 ribu) untuk merekodkan seramai 1.08 juta penduduk bekerja. Sementara itu, penduduk bekerja di W.P. Kuala Lumpur dan Melaka mencatatkan penurunan sebanyak 1.8 peratus manakala Sarawak mencatatkan penurunan marginal 0.1 peratus pada ST2 2023 [Carta 2.30].

Carta 2.30:

### Penduduk Bekerja mengikut Negeri, ST1 2023



Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Melihat kepada situasi pengangguran di peringkat negeri pada ST2 2023, W.P. Putrajaya mencatatkan kadar pengangguran terendah pada 0.5 peratus. Selain itu, sepuluh negeri lain mencatatkan kadar pengangguran yang lebih rendah berbanding kadar pengangguran negara 3.5 peratus, dalam lingkungan antara 2.1 peratus hingga 3.4 peratus.

Sebaliknya, Sabah terus mencatatkan kadar pengangguran tertinggi (7.5%) meskipun mengalami penurunan dari tahun ke tahun sebanyak 1.1 mata peratus. Selain itu, W.P. Labuan, Terengganu, Kelantan dan Sarawak adalah antara empat negeri yang mencatatkan kadar pengangguran melebihi kadar nasional.

Walaupun terdapat penurunan secara keseluruhan dalam pengangguran, lima negeri mencatatkan peningkatan dalam bilangan penganggur berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Bilangan penganggur di Sarawak meningkat 10.1 peratus (+4.9 ribu), manakala Pahang dan Terengganu masing-masing meningkat 6.7 peratus (+1.4 ribu) dan 6.0 peratus (+1.3 ribu) berbanding setahun lalu. Dalam tempoh yang sama, penganggur di W.P. Labuan meningkat 5.8 peratus (+0.2 ribu), diikuti Kelantan dengan pertumbuhan sebanyak 4.9 peratus (+1.5 ribu) **[Jadual 2.1]**.

Jadual 2.1:

**Pengangguran mengikut Negeri, ST2 2023**

Negeri	Kadar Pengangguran (%)	Penganggur		
		Bilangan ('000)	Perbezaan Tahunan ('000)	Peratus Perubahan Tahunan (%)
Sabah	7.5	165.6	-11.4	-6.4
W.P. Labuan	7.3	3.8	0.2	5.8
Terengganu	4.5	23.6	1.3	6.0
Kelantan	3.9	31.7	1.5	4.9
Sarawak	3.6	53.1	4.9	10.1
<b>Malaysia</b>	<b>3.5</b>	<b>581.4</b>	<b>-60.6</b>	<b>-9.5</b>
W.P. Kuala Lumpur	3.4	29.4	-9.6	-24.6
Perak	3.2	36.2	-4.5	-11.0
Pahang	2.8	21.6	1.4	6.7
Melaka	2.7	12.1	-2.9	-19.4
Kedah	2.6	28.0	-6.3	-18.3
Selangor	2.5	95.3	-15.4	-13.9
Johor	2.4	46.0	-7.4	-13.9
Negeri Sembilan	2.3	11.9	-4.9	-29.2
Perlis	2.2	2.7	-1.1	-29.1
Pulau Pinang	2.1	20.1	-6.4	-24.0
W.P. Putrajaya	0.5	0.2	-0.1	-35.6

Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM


### 3. Permintaan Buruh

## 3.1 Jawatan dalam suku tahun kedua 2023

Permintaan buruh terus menunjukkan pertumbuhan positif pada ST2 2023 dengan bilangan jawatan dalam sektor ekonomi mencatatkan peningkatan 2.4 peratus tahun ke tahun (+208.1 ribu), untuk merekodkan sejumlah 8.83 juta jawatan. Secara suku tahunan, bilangan jawatan meningkat sebanyak 0.2 peratus, menjadikan pertambahan 21.1 ribu jawatan [Carta 3.1].

Carta 3.1:

### Jawatan, ST1 2019 - ST2 2023




Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Pada ST2 2023, bilangan jawatan diisi meningkat 2.5 peratus (+209.9 ribu) berbanding suku yang sama tahun sebelumnya kepada 8.64 juta. Berbanding suku tahun sebelumnya, bilangan jawatan diisi meningkat sebanyak 0.3 peratus, bersamaan dengan 24.2 ribu.

Bagi peluang pekerjaan dalam ekonomi, kekosongan jawatan menurun 0.9 peratus (-1.7 ribu) daripada suku yang sama tahun lepas kepada 189.6 ribu kekosongan jawatan. Begitu juga, penurunan sebanyak 1.6 peratus atau 3.0 ribu dapat dilihat berbanding suku sebelumnya.

Dari segi kadar jawatan diisi, kadar tersebut meningkat sebanyak 0.1 mata peratus tahun ke tahun, mencapai 97.9 peratus. Sehubungan itu, kadar kekosongan jawatan kepada jumlah keseluruhan jawatan berkurang 0.1 mata peratus untuk merekodkan kadar 2.1 peratus pada ST2 2023 [Carta 3.2].


**Carta 3.2:**  
**Jawatan Diisi dan Kekosongan, ST1 2021 - ST2 2023**



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Analisis selanjutnya mengikut aktiviti ekonomi, pertumbuhan positif tahun ke tahun bagi jawatan adalah disebabkan oleh pertambahan bilangan jawatan dalam kesemua sektor. Jelas sekali bahawa permintaan buruh terus menunjukkan pertumbuhan positif, kerana semua sektor ekonomi telah mencatatkan peningkatan bilangan jawatan diisi berbanding dengan suku yang sama pada tahun sebelumnya [Carta 3.3].

**Carta 3.3:**  
**Jawatan, Jawatan Diisi dan Kekosongan mengikut Sektor Ekonomi, ST1 2023 & ST2 2023**




Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Carta 3.4:

**Peratus Sumbangan Jawatan, Jawatan Diisi dan Kekosongan mengikut Sektor Ekonomi, ST2 2023**

■ Jawatan ■ Jawatan diisi ■ Kekosongan



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Pada ST2 2023, majoriti jawatan tertumpu dalam sektor Perkhidmatan, merangkumi 51.9 peratus atau 4.58 juta jawatan, yang meningkat sebanyak 2.3 peratus (+101.2 ribu) tahun ke tahun. Pertumbuhan ini disumbangkan oleh peningkatan jawatan dalam semua subsektor, terutamanya subsektor Pengangkutan & penyimpanan (4.2%) dan Makanan & minuman dan penginapan (3.2%). Berdasarkan taburan jawatan mengikut subsektor Perkhidmatan, lebih daripada 70 peratus jawatan dalam sektor ini adalah dalam subsektor Perdagangan borong & runcit (36.7%), Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan (20.2%) dan Makanan & minuman dan penginapan (17.6%).

Daripada keseluruhan jumlah jawatan dalam sektor Perkhidmatan, 99.4 peratus atau 4.55 juta adalah jawatan diisi, mencatatkan peningkatan sebanyak 2.4 peratus (+105.0 ribu) pada ST2 2023. Kesemua subsektor mencatatkan kadar melebihi 98.0 peratus, dengan kadar jawatan diisi tertinggi direkodkan bagi subsektor Makanan & minuman dan penginapan (99.7%), manakala kadar terendah adalah bagi subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan (98.9%). Pada tempoh yang sama, kekosongan dalam sektor Perkhidmatan merangkumi 0.6 peratus (26.8 ribu kekosongan) daripada jumlah keseluruhan jawatan dalam sektor ini, menunjukkan pengurangan sebanyak 12.4 peratus (-3.8 ribu) tahun ke tahun berbanding peningkatan yang ketara sebanyak 16.2 peratus pada suku tahun sebelumnya. Kekosongan jawatan ini tertumpu terutamanya dalam subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan (38.2%) dan Perdagangan borong & runcit (36.4%).

Sementara itu, sektor Pembuatan yang merangkumi 27.5 peratus daripada jumlah jawatan atau bersamaan dengan 2.43 juta jawatan, berada pada kedudukan kedua selepas sektor Perkhidmatan. Sektor ini mencatatkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 3.0 peratus (+70.4 ribu) disokong oleh pertumbuhan positif dalam semua subsektor kecuali subsektor Produk petroleum, kimia, getah & plastik dengan penurunan marginal sebanyak 0.3 peratus berbanding suku yang sama tahun lepas. Pertambahan bilangan jawatan tertinggi dalam sektor ini adalah subsektor Prosesan makanan, minuman & produk tembakau (8.3%), diikuti oleh Produk tekstil, pakaian dan kulit (4.7%) dan Produk elektrik, elektronik & optikal (4.0%). Selain itu, jawatan dalam sektor Pembuatan sebahagian besarnya tertumpu pada subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal (27.0%), diikuti Produk petroleum, kimia, getah & plastik (18.5%) dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang

direka (15.1%). Gabungan ketiga-tiga subsektor ini telah menyumbang sebanyak hampir dua pertiga daripada jawatan dalam sektor Pembuatan.

Kadar jawatan diisi bagi sektor Pembuatan kekal pada 95.6 peratus pada ST2 2023. Walau bagaimanapun, bilangan jawatan diisi meningkat sebanyak 3.1 peratus (+69.4 ribu) berbanding suku yang sama tahun sebelumnya kepada 2.32 juta. Subsektor Produk tekstil, pakaian & kulit mencatatkan kadar jawatan diisi yang tertinggi (96.5%) manakala kadar terendah adalah dalam subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal dengan kadar 94.8 peratus. Merangkumi 4.4 peratus (108.0 ribu kekosongan) daripada jawatan bagi sektor Pembuatan, kekosongan dalam sektor ini meningkat sebanyak 1.0 peratus (+1.0 ribu) tahun ke tahun. Hampir separuh daripada kekosongan jawatan adalah dalam subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal (31.7%) dan Produk petroleum, kimia, getah & plastik (18.2%).

Pada ST2 2023, terdapat 1.26 juta jawatan dalam sektor Pembinaan, yang menyumbang 14.3 peratus daripada jumlah jawatan dalam ekonomi. Bilangan jawatan dalam sektor ini meningkat sebanyak 1.7 peratus (+20.7 ribu) berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya. Kadar jawatan diisi dalam sektor ini adalah 98.1 peratus (1.24 juta jawatan diisi), manakala kadar kekosongan adalah 1.9 peratus (23.7 ribu kekosongan). Sebaliknya, jawatan dalam sektor Pertanian meliputi sebanyak 5.5 peratus, meningkat 2.8 peratus (+13.1 ribu) kepada 482.0 ribu jawatan pada ST2 2023. Jawatan diisi dalam sektor ini merangkumi 93.6 peratus (451.3 ribu jawatan diisi) berbanding 6.4 peratus kekosongan. Di samping itu, sektor Perlombongan & pengkuarian yang terdiri daripada sumbangan jawatan paling kecil sebanyak 0.9 peratus, bersamaan dengan 80.3 ribu jawatan, meningkat sebanyak 3.5 peratus (+2.7 ribu). Kadar jawatan diisi bagi sektor ini adalah 99.5 peratus manakala kadar kekosongan adalah 0.5 peratus.

Melihat kepada permintaan buruh mengikut tahap kemahiran menunjukkan bahawa pada ST2 2023, bilangan jawatan bagi ketiga-tiga kategori kemahiran terus bertambah baik berbanding suku yang sama tahun 2022. Pada masa yang sama, situasi yang sama juga diperhatikan berbanding suku tahun sebelumnya walaupun dengan pertumbuhan yang lebih perlahan pada 0.03 peratus bagi kategori berkemahiran rendah [Carta 3.5].

Carta 3.5:

### Jawatan, Jawatan Diisi dan Kekosongan mengikut Tahap Kemahiran, ST1 2023 & ST2 2023

■ Jawatan ● Jawatan diisi ■ Kekosongan

Peratus perubahan (tahun ke tahun, %)




Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Carta 3.6:

**Peratus Sumbangan Jawatan, Jawatan Diisi dan Kekosongan mengikut Tahap Kemahiran, ST2 2023**

■ Jawatan ■ Jawatan diisi ■ Kekosongan



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Kategori jawatan mahir merangkumi tiga kategori pekerjaan iaitu Pengurus; Profesional; dan Juruteknik dan profesional bersekutu. Bilangan jawatan mahir meningkat 2.9 peratus (+61.5 ribu) tahun ke tahun kepada 2.21 juta jawatan pada ST2 2023, dengan sumbangan 25.9 peratus. Sehubungan itu, bilangan jawatan diisi dalam kategori mahir meningkat sebanyak 2.9 peratus (+61.7 ribu) kepada 2.16 juta. Kekosongan jawatan mahir menurun marginal sebanyak 0.5 peratus (-0.3 ribu), mencatatkan 49.0 ribu kekosongan. Kadar jawatan diisi dalam kategori mahir ialah 97.8 peratus, manakala kadar kekosongan adalah 2.2 peratus.

Majoriti jawatan dalam sektor ekonomi adalah dalam kategori separuh mahir, menyumbang 62.4 peratus merekodkan 5.51 juta jawatan pada ST2 2023. Lima pekerjaan dalam kategori ini terdiri daripada Pekerja sokongan perkeranian; Pekerja perkhidmatan dan jualan; Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan; Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; serta Operator mesin dan loji. Berbanding dengan suku yang sama tahun sebelumnya, jawatan dalam kategori ini meningkat sebanyak 2.6 peratus atau bertambah 141.9 ribu jawatan. Kadar jawatan diisi dalam kategori separuh mahir adalah 98.1 peratus atau menyumbang 5.40 juta jawatan diisi, yang meningkat sebanyak 2.7 peratus (+142.4 ribu). Pada tempoh yang sama, bilangan kekosongan dalam kategori separuh mahir turun 0.4 peratus (-0.4 ribu) kepada 104.7 ribu kekosongan dengan kadar 1.9 peratus.


Namun begitu, jawatan dalam kategori berkemahiran rendah yang merangkumi baki sumbangan 12.6 peratus jawatan mengikut kategori kemahiran, meningkat 0.4 peratus (+4.7 ribu) kepada 1.12 juta jawatan. Selari dengan itu, bilangan jawatan diisi berkemahiran rendah meningkat sebanyak 0.5 peratus (+5.7 ribu) kepada 1.08 juta, merekodkan kadar jawatan diisi pada 96.8 peratus. Sebaliknya, bilangan kekosongan jawatan berkemahiran rendah menurun sebanyak 2.8 peratus (-1.0 ribu) kepada 35.8 ribu, sekaligus mencatatkan kadar kekosongan 3.2 peratus.

### 3. Permintaan Buruh

## 3.2 Pewujudan jawatan pada suku tahun kedua 2023

Pada ST2 2023, bilangan pewujudan jawatan dalam sektor ekonomi mencatatkan peningkatan tahun ke tahun yang lebih perlahan sebanyak 8.6 peratus (+2.5 ribu) kepada 31.9 ribu, berbanding dengan pertumbuhan dua digit sebanyak 22.7 peratus yang dicatatkan pada suku tahun sebelumnya. Bagi empat suku tahun yang berturut-turut, bilangan ini telah melepasi purata pewujudan jawatan sebelum krisis kesihatan awam bagi tempoh ST1 2018 hingga ST4 2019, iaitu dalam lingkungan 21.5 ribu hingga 28.7 ribu jawatan. Secara suku tahunan, pewujudan jawatan meningkat 0.7 peratus (+0.2 ribu) [Carta 3.7].

Carta 3.7:  
Pewujudan Jawatan, ST1 2019 - ST2 2023





Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Pecahan pewujudan jawatan mengikut aktiviti ekonomi, kesemua sektor mencatatkan pertumbuhan positif tahun ke tahun pada ST2 2023 [Carta 3.8].

Carta 3.8:  
Pewujudan Jawatan mengikut Sektor Ekonomi, ST2 2022, ST1 2023 & ST2 2023

■ Perkhidmatan ■ Pembinaan ■ Pembuatan ■ Perlombongan & pengkuarian ■ Pertanian



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Pewujudan jawatan sebahagian besarnya dalam sektor Perkhidmatan, merangkumi 51.6 peratus atau bersamaan 16.5 ribu jawatan, merekodkan peningkatan sebanyak 6.8 peratus (+1.0 ribu) pada ST2 2023. Dalam sektor ini, subsektor Perdagangan borong & runcit memainkan peranan penting dengan menyumbang 8.5 ribu pewujudan jawatan, diikuti subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan dengan 3.1 ribu perwujudan jawatan.

Pada masa yang sama, sektor Pembuatan di kedudukan kedua dengan sumbangan 31.5 peratus daripada bilangan pewujudan jawatan, meningkat sebanyak 11.7 peratus (+1.1 ribu) untuk mencatatkan 10.1 ribu pewujudan jawatan. Kombinasi sumbangan dua subsektor yang merangkumi lebih separuh daripada pewujudan jawatan dalam sektor Pembuatan adalah produk Elektrik, elektronik & optik dan Produk petroleum, kimia, getah & plastik.

Selain itu, bilangan pewujudan jawatan dalam sektor Pembinaan meliputi 11.3 peratus bersamaan 3.6 ribu jawatan, merekodkan peningkatan 5.1 peratus (+0.1 ribu) berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Manakala, sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing merekodkan sumbangan sebanyak 5.2 peratus dan 0.4 peratus daripada jumlah pewujudan jawatan pada suku tahun tersebut.


Pecahan pewujudan jawatan mengikut tahap kemahiran, lebih separuh atau 59.6 peratus daripada jumlah pewujudan jawatan pada ST2 2023 tertumpu dalam kategori separuh mahir, yang menyumbang 19.0 ribu pewujudan jawatan, meningkat 8.4 peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Kategori mahir yang kedua terbesar meliputi hampir satu per tiga (29.4%) dari keseluruhan pewujudan jawatan, mencatatkan peningkatan 1.3 peratus kepada 9.4 ribu pewujudan jawatan. Sementara itu, kategori berkemahiran rendah yang meliputi 11.0 peratus daripada pewujudan jawatan pada suku ini, meningkat 36.6 peratus untuk merekodkan sejumlah 3.5 ribu pewujudan jawatan dalam kategori berkemahiran rendah [Carta 3.9].

Carta 3.9:


### Pewujudan Jawatan mengikut Tahap Kemahiran, ST2 2022, ST1 2023 & ST2 2023

■ Mahir ■ Separuh mahir ■ Berkemahiran rendah

Peratus sumbangan (%)  
[Bilangan (ribu)]



Peratus perubahan (%)



Sumber: Statistik Guna Tenaga, Malaysia, ST2 2023, DOSM


### 3. Permintaan Buruh

## 3.3 Kekosongan jawatan dalam talian yang diiklankan

Menurut statistik Job Market Insight (JMI) yang menggunakan platform analitik data raya, bilangan kekosongan jawatan yang diiklankan oleh majikan dalam talian meningkat 32.9 peratus (+52.4 ribu), untuk mencatatkan 211.5 ribu kekosongan jawatan pada ST1 2023 berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Sementara itu, perubahan suku tahunan menyaksikan kekosongan jawatan dalam talian meningkat 3.5 peratus dengan pertambahan 7.1 ribu kekosongan [Carta 3.10].

Carta 3.10:

### Kekosongan Jawatan Dalam Talian yang Diiklankan, ST3 2019 - ST1 2023



Sumber: Analitik Data Raya, Job Market Insights, Malaysia, ST1 2023, DOSM



Dari perspektif sektor ekonomi, kesemua sektor mencatatkan pertumbuhan positif tahun ke tahun bagi kekosongan jawatan yang diiklankan pada ST1 2023 kecuali sektor Pembuatan yang turun sebanyak 27.2 peratus, merekodkan 21.5 ribu kekosongan. Sementara itu, sektor Pehidmatan penyumbang terbesar dengan 54.9 peratus, merekodkan sejumlah 116.2 ribu kekosongan dalam tempoh yang sama. Berdasarkan perbandingan suku tahunan, sektor Perlombongan & pengkuarian merupakan satu-satunya sektor yang mengalami pertumbuhan yang ketara dengan peningkatan 18.1 peratus membawa kepada sejumlah 581.0 peluang pekerjaan [Carta 3.11].

Carta 3.11:

### Kekosongan Jawatan Dalam Talian yang Diiklankan mengikut Sektor Ekonomi, ST1 2022, ST4 2022 & ST1 2023

Perkhidmatan Pembinaan Pembuatan Perlombongan & pengkuarian Pertanian Tidak dikelaskan

Peratus sumbangan (%)  
[Bilangan (ribu)]



Sumber: Analitik Data Raya, Job Market Insights, Malaysia, ST1 2023, DOSM



Bagi kekosongan jawatan yang diiklankan dalam talian mengikut tahap kemahiran, pekerjaan mahir merangkumi sumbangan terbesar sebanyak 79.2 peratus, meningkat 42.5 peratus berbanding suku yang sama tahun lepas untuk merekodkan 167.5 ribu kekosongan pada ST1 2023. Pekerjaan Profesional menyumbang terhadap kebanyakan kekosongan jawatan yang diiklankan dengan 47.9 peratus (101.2 ribu). Sementara itu, kekosongan jawatan yang diiklankan bagi kategori Juruteknik dan professional bersekutu dan Pengurus masing-masing meliputi 17.5 peratus dan 13.8 peratus. Selain itu, kekosongan jawatan diiklankan dalam talian bagi kategori separuh mahir turut meningkat sebanyak 5.8 peratus berbanding ST1 2022, manakala menurun sebanyak 19.0 peratus berbanding suku sebelumnya [Carta 3.12].

Carta 3.12:

**Kekosongan Jawatan Dalam Talian yang Diiklankan mengikut Tahap Kemahiran, ST1 2022, ST4 2022 & ST1 2023**

■ Mahir ■ Separuh mahir

Peratus sumbangan (%)  
[Bilangan (ribu)]



Sumber: Analitik Data Raya, *Job Market Insights*, Malaysia, ST1 2023, DOSM

## 4. Produktiviti Buruh


### 4.1 Produktiviti buruh per jam bekerja pada suku tahun kedua 2023

Ekonomi Malaysia berkembang sederhana sebanyak 2.9 peratus tahun ke tahun pada ST2 2023 berbanding 5.6 peratus yang dicatatkan pada suku tahun sebelumnya. Dalam tempoh yang sama, jumlah jam bekerja meningkat sebanyak 4.0 peratus atau bersamaan dengan 359.3 juta jam bagi merekodkan sejumlah 9.30 bilion jam [Carta 4.1].

Carta 4.1:

#### Jumlah Jam Bekerja, ST1 2019 - ST2 2023

■ Jumlah jam bekerja    ● Tahun ke tahun (%)    ● Suku ke suku (%)



Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Sektor Perkhidmatan merangkumi hampir dua pertiga atau 61.8 peratus daripada jumlah jam bekerja di Malaysia, menjadikannya penyumbang paling signifikan kepada ekonomi negara. Ini diikuti oleh sektor Pembuatan dengan sumbangan 17.8 peratus, dan sektor Pertanian menyumbang 11.0 peratus pada ST2 2023. Sementara itu, jumlah jam bekerja dalam sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing merangkumi 9.0 peratus dan 0.5 peratus.

Kesemua sektor mengalami peningkatan dalam jumlah jam bekerja, mengatasi pertumbuhan tahun ke tahun pada suku tahun sebelumnya. Secara khusus, sektor Perkhidmatan mencatatkan peningkatan tertinggi dalam jumlah jam bekerja (+250.0 juta jam), meningkat sebanyak 4.6 peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh subsektor Makanan & minuman dan penginapan (+91.0 juta jam; 9.5%), Perdagangan borong & runcit (+61.0 juta jam; 3.8%), Hartanah & perkhidmatan perniagaan (34.0 juta jam; 5.0%) dan Pengangkutan & penyimpanan (25.0 juta jam; 7.4%).

Selain itu, jumlah jam bekerja dalam sektor Pembuatan terus bertambah baik sebanyak 4.2 peratus (+67.0 juta jam), dengan peningkatan tertinggi dalam subsektor Produk elektrik, elektronik & optik (+24.0 juta jam; 6.5%), diikuti Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan (+14.0 juta jam; 5.4%) dan Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan (+9.0 juta jam; 5.1%).


Di samping itu, jumlah jam bekerja dalam sektor Pembinaan mengukuh kepada 2.7 peratus (+22.0 juta jam) selepas mencatatkan 0.9 peratus pada ST1 2023. Sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian turut mengekalkan trend pertumbuhan positif masing-masing dengan kadar pertumbuhan 1.9 peratus (+19.0 juta jam) dan 4.7 peratus (+2.0 juta jam) [Carta 4.2].

Carta 4.2:

### Jumlah Jam Bekerja mengikut Sektor Ekonomi, ST1 2023 & ST2 2023

■ ST1 2023 ■ ST2 2023

Peratus perubahan (%)




Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Secara keseluruhannya, produktiviti buruh yang diukur dengan nilai ditambah per jam bekerja jatuh 1.1 peratus pada ST2 2023 selepas mencatatkan peningkatan sebanyak 2.1 peratus pada ST1 2023, mencatatkan RM40.6 per jam [Carta 4.3].

Carta 4.3:

### Produktiviti Buruh per Jam Bekerja, ST1 2019 - ST2 2023

■ Produktiviti buruh per jam bekerja - (RM) ● Produktiviti buruh per jam bekerja - Tahun ke tahun (%) ● Jumlah jam bekerja - Tahun ke tahun (%)



Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Sektor Perkhidmatan menunjukkan pertumbuhan positif bagi nilai ditambah per jam bekerja, meningkat marginal sebanyak 0.1 peratus pada ST2 2023 selepas mencatatkan peningkatan selama tujuh suku tahun berturut-turut. Pertumbuhan tertinggi direkodkan dalam subsektor Pengangkutan & penyimpanan (5.6%), diikuti oleh subsektor Perkhidmatan lain (4.5%) dan Hartanah & perkhidmatan perniagaan (2.8%). Sementara itu, produktiviti buruh per jam bekerja bagi subsektor Perdagangan borong & runcit meningkat sedikit 0.8 peratus pada suku ini selepas mencatatkan peningkatan sebanyak 4.9 peratus pada ST1 2023. Walau bagaimanapun, subsektor Kewangan & insurans mengalami penurunan ketara sebanyak 7.8 peratus manakala subsektor Makanan & minuman dan penginapan menyaksikan penurunan marginal sebanyak 0.1 peratus pada suku ini.

Dalam pada itu, sektor Pembinaan mencatatkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 3.5 peratus bagi produktiviti buruh per jam bekerja, berikutan peningkatan 6.5 peratus pada ST1 2023.

Sebaliknya, nilai tambah per jam bekerja bagi sektor Pembuatan menurun sebanyak 3.9 peratus selepas mencatatkan peningkatan sebanyak 0.2 peratus pada ST1 2023. Walaupun terdapat penurunan dalam kebanyakan subsektor, dua subsektor mencatatkan pertumbuhan positif, iaitu subsektor Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (3.9%) dan Produk tekstil, pakaian & kulit (3.8%).

Selain itu, nilai ditambah per jam bekerja dalam sektor Perlombongan & pengkuarian merosot 6.7 peratus pada ST2 2023. Sebaliknya, sektor Pertanian mengekalkan pertumbuhan negatifnya dalam produktiviti buruh per jam bekerja, menurun sebanyak 2.9 peratus [Jadual 4.1].

Jadual 4.1:

**Produktiviti buruh per jam bekerja, nilai ditambah & jumlah jam bekerja, ST2 2023, - peratus perubahan (tahun ke tahun)**

Aktiviti Ekonomi	Produktiviti buruh per jam bekerja	Nilai ditambah	Jumlah jam bekerja
<b>Pertanian</b>	<b>-2.9</b>	<b>-1.1</b>	<b>1.9</b>
<b>Perlombongan &amp; pengkuarian</b>	<b>-6.7</b>	<b>-2.3</b>	<b>4.7</b>
<b>Pembuatan</b>	<b>-3.9</b>	<b>0.1</b>	<b>4.2</b>
Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan	-3.0	2.1	5.3
Minuman & produk tembakau	-2.8	8.8	11.9
Produk tekstil, pakaian & kulit	3.8	3.7	-0.1
Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan	-6.2	-1.4	5.1
Produk petroleum, kimia, getah & plastik	-4.6	-1.6	3.1
Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka	3.9	5.4	1.5
Produk elektrik, elektronik & optikal	-7.5	-1.5	6.5
Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan	-4.5	0.7	5.5
<b>Pembinaan</b>	<b>3.5</b>	<b>6.2</b>	<b>2.7</b>
<b>Perkhidmatan</b>	<b>0.1</b>	<b>4.7</b>	<b>4.6</b>
Utiliti	-1.4	3.5	5.0
Perdagangan borong & runcit	0.8	4.7	3.8
Makanan & minuman dan penginapan	-0.1	9.5	9.5
Pengangkutan & penyimpanan	5.6	13.5	7.4
Maklumat & komunikasi	-2.4	3.6	6.2
Kewangan & insurans	-7.8	-4.7	3.3
Hartanah & perkhidmatan perniagaan	2.8	8.0	5.0
Perkhidmatan lain	4.5	5.9	1.3
<b>Jumlah</b>	<b>-1.1</b>	<b>2.9</b>	<b>4.0</b>

Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

## 4. Produktiviti Buruh


### 4.2 Produktiviti buruh per pekerja pada suku tahun kedua 2023

Memandangkan pasaran buruh Malaysia terus bertambah baik pada ST2 2023, guna tenaga meningkat 2.8 peratus tahun ke tahun (+445.1 ribu orang) untuk mencatatkan sejumlah 16.15 juta orang. Dalam pada itu, guna tenaga menyaksikan pertumbuhan 0.5 peratus suku ke suku pada ST2 2023, berikutan kenaikan 0.8 peratus pada suku tahun sebelumnya [Carta 4.4].

Carta 4.4:

#### Pekerja, ST1 2019 - ST2 2023

■ Guna Tenaga    ● Tahun ke tahun (%)    ● Suku ke suku (%)



Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Peningkatan bilangan guna tenaga pada ST2 2023 didorong terutamanya oleh semua aktiviti ekonomi, khususnya sektor Perkhidmatan dan Pembuatan.

Dalam sektor Perkhidmatan, guna tenaga meningkat sebanyak 3.6 peratus (+351.0 ribu) pada ST2 2023 untuk merekodkan 10.02 juta orang, dengan kebanyakan kesemua subsektor meningkat berbanding ST2 2022. Peningkatan tertinggi adalah dalam subsektor Makanan & minuman dan penginapan (+152.4 ribu; 8.9%), diikuti Perdagangan borong & runcit (+52.8 ribu; 1.9%) dan Perkhidmatan lain (+52.5 ribu; 1.9%).


Bagi sektor Pembuatan, guna tenaga meningkat 2.8 peratus (+74.5 ribu) kepada 2.78 juta orang pada ST2 2023. Berbanding suku yang sama tahun lepas, guna tenaga meningkat bagi kesemua subsektor Pembuatan, kecuali subsektor Produk tekstil, pakaian & kulit, yang menurun sebanyak 4.4 peratus (-11.6 ribu). Peningkatan paling signifikan direkodkan dalam subsektor Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan (+27.0 ribu; 5.5%), diikuti subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal (+25.9 ribu; 4.3%) dan Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan (+13.7 ribu; 4.4%).

Guna tenaga dalam sektor Pertanian meningkat 0.2 peratus kepada 1.88 juta orang pada ST2 2023. Sementara itu, guna tenaga dalam sektor Perlombongan & pengkuarian dan Pembinaan masing-masing meningkat secara marginal sebanyak 0.8 peratus dan 1.0 peratus [Carta 4.5].

Carta 4.5:  
**Pekerja mengikut Sektor Ekonomi, ST1 2023 & ST2 2023**

■ ST1 2023 ■ ST2 2023

Peratus perubahan (%)




Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Pertumbuhan 2.8 peratus bagi guna tenaga telah menyumbang kepada pertumbuhan yang lebih kecil dalam produktiviti buruh per pekerja. Produktiviti buruh yang diukur dengan nilai ditambah per pekerja terus berkembang, walaupun pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 0.02 peratus untuk merekodkan RM23,407 per pekerja pada ST2 2023 [Carta 4.6].

Carta 4.6:  
**Produktiviti Buruh per Pekerja, ST1 2019 - ST2 2023**

■ Produktiviti buruh per pekerja - (RM) ● Produktiviti buruh per pekerja - Tahun ke tahun (%) ● Guna tenaga - Tahun ke tahun (%)



Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Pada ST2 2023, sektor Perkhidmatan menyaksikan peningkatan tahun ke tahun yang lebih perlahan sebanyak 1.0 peratus bagi produktiviti buruh per pekerja selepas mencatatkan pertumbuhan 3.1 peratus pada ST1 2023. Enam subsektor mencatatkan pertumbuhan positif pada suku tersebut, iaitu Utiliti (3.0%), Perdagangan borong & runcit (2.7%), Makanan & minuman dan penginapan (0.5%), Pengangkutan & penyimpanan (6.6%), Hartanah & perkhidmatan perniagaan (4.9%) dan Perkhidmatan lain (3.9%).

Dalam pada itu, sektor Pembinaan mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun yang lebih ketara sebanyak 5.2 peratus bagi produktiviti buruh per pekerja, berikutan peningkatan 6.7 peratus pada ST1 2023.

Produktiviti buruh per pekerja bagi sektor Pembuatan menurun 2.6 peratus tahun ke tahun pada ST2 2023 berbanding peningkatan kecil 0.7 peratus pada suku sebelumnya. Walaupun kebanyakan subsektor mengalami penurunan, tiga subsektor merekodkan pertumbuhan dalam prestasinya, iaitu subsektor Minuman & produk tembakau (3.5%), Produk tekstil, pakaian & kulit (8.5%) dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (3.9%).

Tambahan pula, sektor Pertanian mengekalkan pertumbuhannya negatifnya dalam produktiviti buruh per pekerja, berkurang sebanyak 1.3 peratus pada ST2 2023. Sebaliknya, sektor Perlombongan & pengkuarian merekodkan pertumbuhan negatif sebanyak 3.0 peratus tahun ke tahun berbanding pertumbuhan positif sebanyak 1.9 peratus pada ST1 2023 [**Jadual 4.2**].

Jadual 4.2:

**Produktiviti buruh per pekerja, nilai ditambah dan guna tenaga, ST2 2023, - peratus perubahan (tahun ke tahun)**

Aktiviti Ekonomi	Produktiviti buruh per pekerja	Nilai ditambah	Guna tenaga
<b>Pertanian</b>	<b>-1.3</b>	<b>-1.1</b>	<b>0.2</b>
<b>Perlombongan &amp; pengkuarian</b>	<b>-3.0</b>	<b>-2.3</b>	<b>0.8</b>
<b>Pembuatan</b>	<b>-2.6</b>	<b>0.1</b>	<b>2.8</b>
Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan	-3.2	2.1	5.5
Minuman & produk tembakau	3.5	8.8	5.1
Produk tekstil, pakaian & kulit	8.5	3.7	-4.4
Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan	-5.6	-1.4	4.4
Produk petroleum, kimia, getah & plastik	-2.0	-1.6	0.4
Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka	3.9	5.4	1.4
Produk elektrik, elektronik & optikal	-5.5	-1.5	4.3
Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan	-5.2	0.7	6.2
<b>Pembinaan</b>	<b>5.2</b>	<b>6.2</b>	<b>1.0</b>
<b>Perkhidmatan</b>	<b>1.0</b>	<b>4.7</b>	<b>3.6</b>
Utiliti	3.0	3.5	0.6
Perdagangan borong & runcit	2.7	4.7	1.9
Makanan & minuman dan penginapan	0.5	9.5	8.9
Pengangkutan & penyimpanan	6.6	13.5	6.5
Maklumat & komunikasi	-1.3	3.6	5.0
Kewangan & insurans	-6.6	-4.7	2.0
Hartanah & perkhidmatan perniagaan	4.9	8.0	3.0
Perkhidmatan lain	3.9	5.9	1.9
<b>Jumlah</b>	<b>0.02</b>	<b>2.9</b>	<b>2.8</b>

Sumber: Produktiviti Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM


## 5. Upah Pekerja

### 5.1 Median upah bulanan pekerja formal pada suku pertama 2023

Menurut Statistik Upah Pekerja yang disusun menggunakan sumber data pentadbiran daripada agensi berkaitan, bilangan pekerja formal warganegara Malaysia pada Mac 2023 adalah 6.45 juta orang, meningkat sebanyak 0.9 peratus (+55.2 ribu) berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya [Carta 5.1]. Sehubungan itu, bilangan ini menyumbang 62.1 peratus daripada jumlah pekerja bergaji warganegara dalam kedua-dua sektor swasta dan awam. Sementara itu, median upah bulanan pada Mac 2023 meningkat 8.3 peratus tahun ke tahun kepada RM2,600 [Carta 5.1].

Carta 5.1:  
Pekerja Formal, Januari 2022 – Mac 2023


■ Pekerja formal warganegara ● Tahun ke tahun (%)



Sumber: Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST1 2023, DOSM

Carta 5.2:  
Median Upah Bulanan, Januari 2022 – Mac 2023

■ Median upah bulanan ● Tahun ke tahun (%)




Sumber: Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST1 2023, DOSM

Dari segi jantina, pekerja formal lelaki mempunyai median upah bulanan yang lebih tinggi berbanding perempuan. Secara purata, pekerja formal lelaki memperoleh kira-kira 3.0 peratus lebih tinggi daripada pekerja formal perempuan. Median upah bulanan bagi lelaki meningkat 8.0 peratus kepada RM2,664, merangkumi 55.5 peratus atau bersamaan 3.58 juta orang pada Mac 2023. Sementara itu, perempuan meliputi 44.5 peratus daripada jumlah pekerja formal warganegara, dengan median upah bulanan bagi perempuan meningkat 8.6 peratus tahun ke tahun kepada RM2,545 [Carta 5.3].

Begitu juga, kedua-dua median upah bulanan bagi pekerja formal lelaki dan perempuan turut mencatatkan peningkatan bulan ke bulan, di mana nilai bagi median untuk lelaki dan perempuan masing-masing tumbuh 2.4 peratu dan 1.8 peratus.

**Carta 5.3:**  
**Median Upah Bulanan Mengikut Jantina, Mac 2023**



**Sumber:** Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST1 2023, DOSM

Mengikut pecahan bagi kumpulan umur, pekerja formal warganegara berumur 40 hingga 44 tahun dan 45 hingga 49 tahun menyumbang terhadap median upah bulanan tertinggi, di mana kedua-dua kumpulan tersebut merekodkan RM3,500 pada Mac 2023. Kedua-dua kategori ini digabungkan merangkumi hampir 20 peratus daripada jumlah pekerja formal warganegara Malaysia. Dalam pada itu, kumpulan umur bawah 20 tahun merekodkan median upah bulanan terendah dengan RM1,500. Trend yang sama dapat dilihat pada bulan-bulan sebelumnya, secara tidak langsung menyatakan bahawa kumpulan umur ini berkait rapat dengan tahap pendidikan dan pengalaman bekerja yang mempengaruhi taburan upah bagi pekerja formal.


Pada Mac 2023, pekerja formal warganegara bagi kesemua kumpulan umur mengalami peningkatan median upah bulanan mereka berbanding tempoh sama pada tahun sebelumnya. Di antara kumpulan ini, pekerja formal yang berumur di bawah 20 tahun merekodkan peningkatan tertinggi sebanyak 25.0 peratus tahun ke tahun [Carta 5.4].

Berbanding dengan Februari 2023, median upah bulanan bagi semua kumpulan umur mencatatkan kenaikan antara 0.5 peratus dan 3.0 peratus, kecuali bagi kumpulan umur di bawah 20 tahun, 60 hingga 64 tahun dan 65 tahun ke atas, yang kekal tidak berubah.

Carta 5.4:

### Median Upah Bulanan Mengikut Kumpulan Umur, Mac 2023

■ Median upah bulanan ● Tahun ke tahun (%) ■ Pekerja formal warganegara



Sumber: Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST1 2023, DOSM

Melihat kepada median upah bulanan mengikut aktiviti ekonomi, kesemua sektor merekodkan peningkatan pada Mac 2023 berbanding bulan yang sama setahun lalu.

Walaupun hanya merangkumi 0.5 peratus daripada jumlah pekerja formal warganegara Malaysia, sektor Perlombongan & pengkuarian kekal untuk mencatatkan median upah bulanan tertinggi pada Mac 2023 dengan nilai RM7,500. Berbanding Mac 2022, median upah bulanan bagi sektor Perlombongan & pengkuarian meningkat sebanyak 33.9 peratus. Pada masa yang sama, sektor Pembinaan merekodkan median upah bulanan sebanyak RM2,764 pada Mac 2023, berada pada kedudukan kedua selepas sektor Perlombongan & pengkuarian. Sektor ini mencatatkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 6.3 peratus.

Sebagai penyumbang utama kepada ekonomi, pekerja formal warganegara dalam sektor Perkhidmatan merangkumi lebih dua pertiga (67.5%) atau 4.35 juta orang, merekodkan median upah bulanan RM2,627 pada Mac 2023 dengan peningkatan 8.2 peratus tahun ke tahun. Dua subsektor mencatatkan median upah bulanan tertinggi, iaitu Kewangan dan insurans pada RM6,000, diikuti oleh Maklumat dan komunikasi pada RM5,200. Sementara itu, median upah bulanan bagi subsektor Perkhidmatan yang lain adalah di bawah RM3,000, dengan yang terendah dicatatkan oleh pekerja formal dalam subsektor Pengangkutan dan penyimpanan (RM1,782). Namun begitu, berhubung perubahan tahunan, subsektor Hartanah dan perkhidmatan perniagaan mencatatkan peningkatan tertinggi sebanyak 14.5 peratus daripada median upah bulanan pada Mac 2023.

Median upah bulanan bagi pekerja formal warganegara dalam sektor Pembuatan mengalami peningkatan ketara sebanyak 11.1 peratus tahun ke tahun kepada RM2,444 pada Mac 2023. Subsektor Minuman dan produk tembakau mencatatkan median upah bulanan tertinggi (RM3,000), manakala subsektor Produk Petroleum, kimia, getah dan plastik pada kedudukan kedua dengan RM2,600. Subsektor Produk tekstil, pakaian dan kulit mengalami pertumbuhan tertinggi sebanyak 15.1 peratus bagi median upah bulanan, mencecah RM1,945 pada Mac 2023.

Sehingga Mac 2023, sektor Pertanian mencatatkan median upah bulanan terendah berbanding kesemua sektor pada RM1,900. Walaupun begitu, perlu diingat bahawa angka ini menyatakan peningkatan ketara sebanyak 8.9 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya [Jadual 5.1].

Jadual 5.1:

**Median Upah Bulanan Mengikut Aktiviti Ekonomi, Mac 2023**


Aktiviti Ekonomi	Upah Bulanan		Pekerja Formal
	Median (RM)	Peratus perubahan (Tahun ke tahun, %)	Peratus sumbangan (%)
<b>Pertanian</b>	<b>1,900</b>	<b>8.9</b>	<b>2.0</b>
<b>Perlombongan &amp; pengkuarian</b>	<b>7,500</b>	<b>33.9</b>	<b>0.5</b>
<b>Pembuatan</b>	<b>2,444</b>	<b>11.1</b>	<b>18.1</b>
Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan	2,164	8.2	2.5
Minuman dan produk tembakau	3,000	9.3	0.2
Produk tekstil, pakaian dan kulit	1,945	15.1	0.4
Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan	2,200	10	1.5
Produk petroleum, kimia, getah dan plastik	2,600	10.9	2.9
Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka	2,500	8.7	2.2
Produk elektrik, elektronik dan optikal	2,464	9.7	5.2
Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan	2,545	10.7	3.0
<b>Pembinaan</b>	<b>2,764</b>	<b>6.3</b>	<b>5.8</b>
<b>Perkhidmatan</b>	<b>2,627</b>	<b>8.2</b>	<b>67.5</b>
Utiliti	2,845	8.5	1.0
Perdagangan borong dan runcit	2,264	8.4	21.4
Makanan & minuman dan penginapan	2,700	10.5	4.6
Pengangkutan dan penyimpanan	1,782	11.4	4.5
Maklumat dan komunikasi	5,200	9.2	3.2
Kewangan dan insurans	6,000	-1.6	4.5
Hartanah dan perkhidmatan perniagaan	2,800	14.5	11.7
Perkhidmatan lain	2,600	8.3	16.6
<b>Tidak dikelaskan</b>		-	6.1
<b>Jumlah</b>	<b>2,600</b>	<b>8.3</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST1 2023, DOSM

Berhubung upah pekerja formal warganegara Malaysia di peringkat negeri pada Mac 2023, tiga negeri melebihi median upah bulanan peringkat nasional sebanyak RM2,600. Mendahului carta adalah W.P. Kuala Lumpur, dengan median upah bulanan tertinggi RM3,927, diikuti Selangor, yang mencatatkan median upah bulanan sebanyak RM2,964 pada Mac 2023. Dalam tempoh yang sama, Pulau Pinang berada pada kedudukan ketiga dengan median upah bulanan sebanyak RM2,627.

Sebaliknya, Kelantan, Perlis dan Sabah mencatatkan median upah bulanan terendah, dengan setiap negeri melaporkan nilai masing-masing sebanyak RM1,600, RM1,627 dan RM1,782 [Carta 5.5].

**Carta 5.5:**  
**Median Upah Bulanan Mengikut Negeri, Mac 2023**



**Sumber:** Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST1 2023, DOSM


## 5. Upah Pekerja

### 5.2 Taburan Upah Bulanan Pada Suku Pertama 2023

Taburan upah pada Mac 2023 menunjukkan 2.25 juta pekerja formal warganegara memperoleh upah bulanan di bawah RM2,000. Kumpulan ini yang mewakili 34.8 peratus daripada jumlah pekerja formal warganegara Malaysia berkurang sebanyak 5.4 mata peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya, berkemungkinan kesan terhadap kenaikan kadar gaji minimum bermula Mei 2022. Sementara itu, kira-kira 5.2 peratus pekerja formal warganegara Malaysia memperoleh upah bulanan tertinggi RM15,000 dan ke atas pada Mac 2023 [Carta 5.6].

Carta 5.6:

#### Taburan Upah Bulanan Bagi Pekerja Formal Mengikut Skala Gaji, Mac 2022 & Mac 2023



Sumber: Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST1 2023, DOSM


Nota:

\* Merujuk kepada gaji wajar (Bank Negara Malaysia, 2017), yang diselaraskan dengan kadar inflasi

Berdasarkan analisis persentil menunjukkan bahawa 10 peratus terbawah pekerja formal warganegara menerima upah bulanan RM1,482 atau kurang. Walau bagaimanapun, kumpulan ini mengalami peningkatan ketara sebanyak 27.0 peratus pada Mac 2023 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Dalam tempoh yang sama, upah bulanan pekerja formal warganegara pada persentil ke-90 meningkat sebanyak 4.6 peratus tahun ke tahun, mencecah RM9,100 sebulan. Sehubungan itu, nisbah upah antara kumpulan penerima gaji tertinggi (persentil ke-90) dan kumpulan penerima gaji terendah (persentil ke-10) menjelaskan bahawa kumpulan penerima upah tertinggi menerima lebih daripada enam kali ganda upah bulanan kumpulan penerima gaji terendah [Carta 5.7].

Carta 5.7:  
**Median Upah Bulanan Mengikut Jantina, Mac 2023**

■ Mac 2022 ■ Mac 2023 ● Tahun ke tahun (%)



Sumber: Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST1 2023, DOSM

### Gaji progresif untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan ekonomi

Walaupun ekonomi Malaysia berkembang, sebahagian besar pekerja masih memperoleh gaji yang tidak mencukupi untuk menyara keluarga dan gaya hidup mereka. Sumbangan buruh, yang dirujuk sebagai sumbangan upah atau sumbangan pendapatan buruh, adalah konsep makroekonomi yang mengukur sumbangan daripada jumlah pendapatan ekonomi yang diperuntukkan kepada buruh berbanding dengan faktor pengeluaran lain. Walaupun prestasi makroekonomi mungkin bertambah baik, pendapatan isi rumah adalah tidak semestinya selari berikutan sumbangan buruh yang semakin berkurangan<sup>2</sup>. Tambahan pula, hasil kaji selidik menunjukkan bahawa dari semasa ke semasa dan dalam beberapa buah negara, sumbangan modal yang lebih besar memberikan kesan kepada peningkatan jurang ketidaksamaan kepada pengagihan pendapatan peribadi<sup>3</sup>.

Berdasarkan analisis taburan upah berdasarkan Statistik Upah Pekerja, 34.8 peratus pekerja formal warganegara Malaysia berpendapatan kurang daripada RM2,000 pada Mac 2023, menunjukkan penurunan daripada 40.2 peratus pada tahun sebelumnya. Kejatuhan ini berkemungkinan besar adalah disebabkan oleh kenaikan gaji minimum yang dilaksanakan pada Mei 2022. Malaysia yang telah mengalami kebantutan upah sebelum pandemik, walaupun dengan inflasi yang semakin meningkat tanpa kenaikan upah yang tinggi, telah membawa maksud bahawa gaji rakyat telah kehilangan kuasa membeli. Inflasi Malaysia meningkat kepada 2.8 peratus pada Mei 2023 pada 130.2 mata, berbanding 126.6 pada bulan yang sama tahun sebelumnya, menunjukkan peningkatan dalam paras harga pengguna secara keseluruhan. Walaupun Malaysia menaikkan gaji minimum bulanan daripada RM1,200 kepada RM1,500 pada 1 Mei tahun lalu, pelaksanaannya adalah agak perlahan. Median gaji bulanan tidak meningkat seiring dengan kos sara hidup dan kekal pada persentil yang rendah. Pendapatan garis kemiskinan yang ditentukan oleh purata pendapatan isi rumah bagi 2022 ialah RM2,589, manakala gaji wajar adalah pada 2017 ialah RM3,0473<sup>4</sup>. Seterusnya, hal ini secara tidak langsung mengakibatkan kitaran kemiskinan yang tidak pernah berakhir dan meletakkan beban yang besar kepada individu untuk mengekalkan taraf hidup wajar.

Melihat kepada pulangan kepada buruh di Malaysia seperti yang diukur berdasarkan pampasan pekerja (CE), sumbangan CE kepada KDNK adalah 32.4 peratus pada 2022, kurang daripada sasaran 40.0 peratus yang ingin dicapai oleh kerajaan menjelang 2025 di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. Sumbangan CE kepada KDNK Malaysia jauh lebih rendah berbanding negara maju lain seperti Singapura (36.6%), Australia (45.6%), Korea Selatan (47.6%), *United Kingdom* (52.9%) dan Amerika Syarikat (53.0%). Tahap CE yang rendah ini mungkin boleh dikaitkan dengan struktur ekonomi semasa Malaysia, yang terutamanya didorong oleh perniagaan berintensifkan buruh dan nilai tambah rendah. Oleh itu, pertumbuhan gaji merupakan salah satu fokus utama pembaharuan struktur untuk mencapai sasaran CE negara. Konsep Ekonomi MADANI dijangka membentuk semula landskap ekonomi Malaysia dengan membawa era baharu pemerksaan dan keterangkuman. Pada terasnya, Ekonomi MADANI membawa hasrat dalam melaksanakan sistem ekonomi yang mengutamakan kesejahteraan rakyat dan memupuk keseimbangan harmoni antara pertumbuhan ekonomi, keadilan sosial dan kelestarian alam sekitar seterusnya menjadikan Malaysia peneraju ekonomi Asia. Menangani isu-isu pasaran buruh dan mendekati model gaji progresif merupakan tunggak strategi dalam mencapai hasrat ini.

<sup>2</sup> Atkinson, A. B. (2009). *Factor shares: the principal problem of political economy?* *Oxford Review of Economic Policy*, 25(1), 3–16  
<https://doi.org/10.1093/oxrep/grp007>

<sup>3</sup> Piketty, T. (2013). *Capital in the Twenty-First Century*. <https://dowbor.org/wp-content/uploads/2014/06/14Thomas-Piketty.pdf>

<sup>4</sup> Bank Negara Malaysia (2017). *The Living Wage: Beyond Making Ends Meet*.  
<https://www.bnm.gov.my/documents/20124/826852/AR+BA4+-+The+Living+Wage+Beyond+Making+Ends+Meet.pdf>

Pasaran buruh merupakan enjin bagi pertumbuhan ekonomi, dengan ciri dinamik dalam membentuk peluang dan aspirasi tenaga kerja. Pasaran buruh yang berdaya tahan akan berterusan sekiranya terdapat tenaga buruh yang terlatih dan tenaga kerja yang boleh beradaptasi. Oleh itu, pelaburan dalam pendidikan dan pembangunan kemahiran adalah asas bagi mencapai hasrat ini. Dengan menyelaraskan pendidikan sesuai dengan permintaan situasi pekerjaan yang semakin berkembang, Malaysia boleh memperkasakan rakyatnya untuk kekal berdaya saing, dan memastikan penawaran buruh mahir yang berterusan untuk industri yang mendorong negara ke hadapan. Teras utama pasaran buruh yang berdaya tahan terletak pada konsep gaji progresif yang mencerminkan prinsip pampasan yang adil selaras dengan peningkatan kemahiran dan produktiviti. Ketika ini, Model Gaji Progresif (PWM) terutamanya dilaksanakan di Singapura sebagai sebahagian daripada usaha negaranya untuk menangani ketidaksamaan pendapatan, meningkatkan kualiti kerja bagi pekerja bergaji rendah, dan menggalakkan peningkatan kemahiran. Sejak dilaksanakan, sektor PWM seperti pembersihan, keselamatan, landskap, lif dan eskalator, peruncitan, perkhidmatan makanan dan pengurusan sisa telah menaikkan gaji pada kadar yang mampan dan bermakna, tanpa menjejaskan taraf hidup pekerja bergaji rendah. PWM memberi manfaat kepada pekerja dengan memetakan laluan kerjaya yang jelas untuk peningkatan gaji mereka seiring dengan latihan dan peningkatan produktiviti dan standard. Pada masa yang sama, produktiviti yang lebih tinggi juga akan meningkatkan keuntungan perniagaan untuk majikan. Pengguna perkhidmatan juga menikmati standard dan kualiti perkhidmatan yang lebih baik<sup>5</sup>. Berbeza dengan rangka kerja gaji konvensional, gaji progresif bertujuan untuk mengecilkan jurang pendapatan dengan menawarkan gaji yang lebih tinggi untuk kerja yang lebih mahir atau produktif. Strategi ini dapat menggalakkan rasa ekuiti dan menggalakkan pembangunan kemahiran, di samping menghasilkan bukan sahaja kemajuan individu tetapi juga dalam kemajuan ekonomi negara. Gaji progresif menawarkan penyelesaian yang berdaya maju dalam menangani objektif berkembar dalam mengurangkan ketidaksamaan pendapatan dan meningkatkan produktiviti keseluruhan.

Dalam merealisasikan konsep gaji progresif, usaha pelbagai pihak adalah penting. Campur tangan kerajaan adalah tunjang dalam merangka dan menguatkuasakan dasar dalam memastikan kenaikan lantai gaji minimum yang mencerminkan kos sara hidup. Langkah-langkah ini menjadi asas kepada rangka kerja gaji yang lebih saksama yang menjamin imbuhan setara bagi semua rakyat Malaysia. Di samping itu, hasrat ini juga dapat memupuk langkah proaktif pemain industri terhadap pengadaptasian inovasi dan teknologi, serta memberi sokongan dalam meningkatkan potensi operasi bagi penghasilan produktiviti yang lebih tinggi dan secara tidak langsung dapat menaikkan upah. Tanggungjawab yang melangkaui kerajaan ini juga memerlukan usaha bersepadu daripada majikan. Perniagaan yang boleh menerima konsep gaji progresif secara sukarela, akan berpeluang untuk mendapatkan faedah jangka panjang berikutan tenaga buruh yang bermotivasi dan mahir. Dengan melaksanakan latihan bersasar, insentif berdasarkan prestasi dan laluan kerjaya yang jelas, majikan boleh memainkan peranan dalam meningkatkan tahap pendapatan dan meningkatkan kepuasan kerja pekerja mereka. Kerjasama antara pihak berkepentingan perlu dititikberatkan dalam usaha ini. Majikan, pekerja, serta penggubal dasar, harus terlibat dalam sesi dialog yang membina untuk mencapai keseimbangan harmoni antara kepentingan majikan dan kesejahteraan pekerja. Melalui perkongsian sosial, pemahaman yang diperhalusi mengenai keperluan khusus industri boleh muncul, dan membawa kepada dasar yang memenuhi keperluan unik setiap sektor.

<sup>5</sup> Ministry of Manpower Singapore. (2018). *Progressive Wage Model*.  
<https://www.mom.gov.sg/employment-practices/progressive-wage-model>

Kesimpulannya, titik temu bagi pasaran buruh yang rancak dan gaji progresif membawakan naratif yang menarik dalam usaha Malaysia ke arah kemajuan mampan dan peningkatan kualiti hidup. Tenaga buruh yang mahir dan boleh beradaptasi, disokong oleh pendidikan dan latihan, akan mendorong pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan ini seterusnya boleh dimanfaatkan untuk memacu gaji progresif yang memperjuangkan ekuiti dan memberi ganjaran kepada peningkatan kemahiran. Tuntasnya, gaji progresif yang berhasrat untuk mewujudkan ekosistem di mana kualiti hidup setiap rakyat ditingkatkan. Penumpuan sistem upah yang saksama dengan cita-cita ekonomi yang adil dan inklusif memupuk persekitaran yang mendukung kemajuan ekonomi dan kesejahteraan sosial. Dalam usaha Malaysia mengambil langkah berani dalam merealisasikan Ekonomi MADANI, pelaksanaan gaji progresif merupakan sinar harapan yang merupakan salah satu cara ke hadapan yang ketara dan sejajar dengan aspirasi negara untuk mencapai kemakmuran, ekuiti dan pemeraksanaan.

## 4. Kesimpulan

---

Secara keseluruhan, penawaran dan permintaan buruh kekal stabil pada ST2 2023 di samping ekonomi terus berkembang walaupun secara sederhana didorong oleh tadbir urus yang berkesan, pengukuhan keyakinan pengguna dan keadaan perniagaan yang lebih baik. Momentum positif dalam pertumbuhan guna tenaga ini telah menyumbang kepada peningkatan tenaga buruh dari tahun ke tahun yang menggariskan komitmen negara untuk kemajuan. Melihat kepada permintaan buruh mengikut industri, jumlah jawatan dalam sektor ekonomi meningkat pada ST2 2023, namun terdapat sedikit penurunan bagi peluang pekerjaan seperti yang ditunjukkan oleh bilangan kekosongan jawatan dalam suku tahun tersebut. Walau bagaimanapun, tempoh tersebut menyaksikan pewujudan sejumlah besar pekerjaan baharu berbanding suku yang sama tahun yang lalu, melebihi purata jumlah pewujudan jawatan sebelum pandemik COVID-19. Dari segi kecekapan pasaran buruh, pengukuran produktiviti buruh berdasarkan nilai ditambah per pekerja, kekal stabil pada ST2 2023. Namun, bagi nilai ditambah per jam bekerja, terdapat penurunan yang ketara dalam produktiviti buruh, memberi gambaran terhadap kemungkinan penurunan dalam keseluruhan kecekapan pasaran buruh.

Selain itu, DOSM baru-baru ini memperkenalkan inisiatif baharu untuk meningkatkan penyampaian berkaitan statistik upah pekerja. Matlamatnya adalah untuk menyediakan maklumat yang lebih komprehensif, tepat, bertepatan masa dan berharga dengan memanfaatkan data pentadbiran, memberi sumbangan kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai dinamik pasaran buruh Malaysia. Selaras dengan pendekatan proaktif pihak kerajaan dalam melaksanakan dasar Ekonomi MADANI, data ini berperanan sebagai inisiatif penting. Salah satu tumpuan kedua dalam kerangka ini adalah untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat, pihak kerajaan komited untuk mencipta peluang pekerjaan yang berkualiti. Strategi-strategi ini termasuk menilai semula tahap gaji minimum, memperkenalkan undang-undang bagi mewujudkan tempat kerja yang selamat dan kondusif dan meneroka model gaji progresif yang mengaitkan pertumbuhan pendapatan dengan peningkatan produktiviti. Di samping itu, bagi memastikan peluang yang sama rata kepada semua, tanpa mengira jantina, etnik atau latar belakang, pihak kerajaan juga menyasarkan untuk mengurangkan jurang antara jantina dalam pasaran buruh melalui langkah perundangan dan program sokongan yang menggalakkan golongan ibu kembali bekerja. Inisiatif-inisiatif ini mencerminkan kesungguhan pihak kerajaan dalam memajukan sosioekonomi yang berinformasi dan saksama.

Memasuki ST2 2023, ekonomi Malaysia dijangka mengekalkan trajektori pertumbuhannya, walaupun pada kadar sederhana yang disokong oleh permintaan domestik dan aktiviti pelancongan. Selain itu, kos sara hidup dan perniagaan semakin pulih secara perlahan selari dengan penurunan inflasi. Hal ini seiring situasi di peringkat global, di mana IMF meramalkan pertumbuhan ekonomi dunia akan mencapai 3.0 peratus pada tahun 2023. Walau bagaimanapun, BNM mengekalkan ramalan pertumbuhan ekonomi Malaysia secara keseluruhan antara 4.0 peratus hingga 5.0 peratus pada tahun 2023. Selepas merekodkan prestasi yang lebih baik pada separuh tahun pertama 2023, momentum pasaran buruh dijangka mengekalkan pertumbuhan yang stabil pada suku yang akan datang, disokong oleh pembangunan ekonomi yang berterusan, inisiatif kerajaan dan pelaburan berkualiti yang akan mewujudkan pekerjaan yang berkualiti dan bergaji tinggi. Walau bagaimanapun, prospek ini tertakluk kepada pelbagai cabaran global dan domestik yang berpunca daripada situasi luar jangka yang mungkin berlaku pada masa hadapan.

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

## Tinjauan Belia Pasaran Buruh Malaysia

Ahmad Husam Azhari<sup>1</sup>; Nur Awanis Helmee<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Biro Statistik Buruh Malaysia (MBLS), Jabatan Perangkaan Malaysia

### Pengenalan

Guna tenaga belia memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial dan ekonomi di setiap negara, Malaysia juga tidak terkecuali. Dengan populasi belia yang dinamik dan bertenaga, Malaysia mengiktiraf kepentingan memanfaatkan potensi dan bakat tenaga kerja mudanya. Sebagai sebuah negara yang berbilang etnik dan pelbagai di Asia Tenggara, belia di Malaysia merupakan sumber yang berharga dan boleh memacu inovasi, produktiviti dan pertumbuhan mampan dalam pelbagai sektor ekonomi. Malaysia telah mencapai kemajuan yang ketara dalam beberapa tahun kebelakangan ini untuk menangani cabaran dan peluang yang berkaitan dengan pekerjaan belia. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar, program dan inisiatif yang bertujuan meningkatkan prospek pekerjaan dan mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk tenaga kerja muda. Usaha ini didorong oleh pengiktirafan bahawa pekerjaan yang bermanfaat dan bermakna bagi belia bukan sahaja memastikan kemakmuran individu mereka tetapi juga menyumbang kepada pembangunan negara secara keseluruhan.

Walau bagaimanapun, dengan usaha-usaha tersebut, Malaysia masih menghadapi cabaran berterusan dalam menangani isu guna tenaga belia. Isu-isu seperti kadar pengangguran belia yang tinggi, ketidakpadanan kemahiran, dan akses terhad kepada program pendidikan serta latihan yang berkualiti menghalang penggunaan penuh potensi belia. Di samping itu, kemajuan pesat teknologi dan perubahan sifat kerja memerlukan penyesuaian dan peningkatan kemahiran yang berterusan dalam kalangan belia untuk kekal berdaya saing dalam pasaran kerja. Dalam negara berusaha untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), adalah penting untuk mengutamakan keperluan dan aspirasi belia negara. Guna tenaga belia, dengan potensinya untuk memacu pertumbuhan ekonomi, memupuk keupayaan sosial, dan membentuk masa depan masyarakat, menuntut perhatian yang teliti. Kajian ini bertujuan untuk memberi gambaran yang jelas terhadap guna tenaga belia di Malaysia, dengan mengambil kira cabaran dan peluang semasa yang dihadapi oleh individu muda dalam mengakses pekerjaan wajar.

Pada September 2015, komuniti global di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menerima pakai Agenda Global 2030 bertajuk 'Mengubah dunia: Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampan' (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, 2020). Pelan tindakan ini menekankan pembangunan, ekonomi, hak asasi manusia dan alam sekitar. Yang paling kritikal adalah memastikan pembangunan inklusif dapat dicapai oleh semua lapisan masyarakat termasuk komuniti belia. Terdapat pelbagai kajian yang mengkaji keadaan semasa pasaran buruh belia yang sejajar dengan arah pencapaian SDG khususnya belia (Sasaran 4.4 dan 8.5). Walaupun sasaran ini mengutamakan peranan belia dalam pembangunan, pengangguran belia terus menjadi cabaran besar bagi negara maju dan membangun. Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO, 2022) menekankan bahawa belia mengalami halangan yang ketara terhadap pekerjaan. Malah sebelum pandemik, kadar pengangguran jauh lebih tinggi bagi pekerja muda (mereka yang berumur antara 15 dan 24 tahun) berbanding pekerja dewasa (mereka yang berumur 25 tahun ke atas).

Dengan mengkaji keadaan semasa guna tenaga belia, menganalisis cabaran dan meneroka peluang yang sedia ada, kita memperoleh maklumat yang lebih terperinci mengenai usaha yang

dibuat untuk memperkasa dan melibatkan tenaga kerja belia. Melalui strategi yang disasarkan, penyelesaian inovatif, dan kerjasama antara kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat awam, Malaysia dapat mewujudkan persekitaran yang berkembang maju di mana belianya dapat menyumbang secara bermakna kepada kemajuan negara sambil menikmati kerjaya yang memuaskan dan bermanfaat.

### Sorotan Kajian

Guna tenaga belia dan kadar pengangguran merupakan isu kritikal yang telah mendapat perhatian penting dalam penyelidikan akademik, perbincangan dasar, dan agenda pembangunan antarabangsa. Kajian literatur ini bertujuan untuk memberikan gambaran penemuan dan trend utama dalam kajian yang berkaitan dengan guna tenaga belia dan cabaran yang berkaitan dengan kadar pengangguran belia yang tinggi. Dengan mengkaji pelbagai artikel ilmiah, laporan, dan kajian empirikal, kajian ini bertujuan untuk memberi pemahaman yang lebih mendalam tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pekerjaan belia dan implikasi kepada individu, masyarakat, dan ekonomi. Belia berasal dari sumber yang berpotensi besar dan mereka boleh menyumbang dengan ketara kepada pembangunan negara secara keseluruhan. Malaysia mencapai kedudukan ke-30 dalam Laporan Modal Insan 2015, mencerminkan pelaburan yang signifikan dalam dan penggunaan modal insan bagi kumpulan umur 15 hingga 24 tahun (Laporan Modal Insan Forum Ekonomi Dunia, 2015).

Di rantau tertentu, terdapat jurang antara jantina yang ketara dalam penyertaan tenaga buruh belia. Menurut L. Canlas dan R. Pardalis (2009), belia wanita di Filipina dianggap sebagai kadar penyertaan tenaga buruh yang rendah berbanding belia lelaki. Di peringkat global, kadar bagi belia lelaki adalah 53.9 peratus, berbanding 37.3 peratus bagi belia wanita pada 2016, dengan jurang 16.6 mata peratusan (Pertubuhan Buruh Antarabangsa, 2016). Hal ini demikian kerana perbezaan peluang, serta cabaran sosio ekonomi dan budaya yang cenderung merugikan wanita. Cabaran ini juga wujud di Asia Selatan, Negara-negara Arab dan Afrika Utara, di mana kadar penyertaan belia wanita adalah lebih rendah daripada belia lelaki pada tahun 2016 (Pertubuhan Buruh Antarabangsa, 2016).

Di kebanyakan negara Afrika, kadar belia wanita dalam kemiskinan masih lebih besar daripada lelaki, walaupun mereka memainkan peranan utama dalam menjaga keluarga. Mereka lebih banyak bekerja dalam bidang pertanian dan ekonomi tidak formal, memenuhi pekerjaan dalam aktiviti keuntungan rendah dan memperoleh pendapatan rendah (Haji, 2007). Walau bagaimanapun, menurut L. Canlas dan R. Pardalis (2009), hampir separuh daripada belia yang bekerja di Filipina tertumpu dalam sektor perkhidmatan yang menjadi penyumbang terbesar buruh. Sementara itu, bilangan pekerja muda dalam industri pembuatan, pembinaan, perlombongan dan pengkuarian di Filipina terus menurun (L. Canlas & R. Pardalis, 2009). Sifat perindustrian yang berintensifkan modal dan pertumbuhan yang tidak menggalakkan industri-industri ini di Filipina menyumbang kepada trend ini. Pengasingan mengikut pekerjaan menunjukkan bahawa bilangan belia wanita yang lebih tinggi mengisi jawatan teknikal dan profesional daripada belia lelaki (L. Canlas & R. Pardalis, 2009). Ia sejajar dengan peningkatan kadar wanita dengan pendidikan lanjutan.

Belia ialah demografi yang kecil dalam pasaran buruh tempatan di seluruh dunia. Kekurangan peluang pekerjaan untuk belia menunjukkan salah satu cabaran global utama. Golongan muda kurang cenderung untuk bekerja berbanding orang dewasa, dengan kadar pengangguran belia global berada pada 13 peratus, atau tiga kali lebih tinggi daripada kadar dewasa 4.3 peratus (Pertubuhan

Buruh Antarabangsa, 2018). Mereka menghadapi kadar pengangguran yang tinggi (biasanya dua hingga tiga kali ganda kadar pengangguran purata), bentuk diskriminasi yang berkaitan dengan usia, dan peralihan yang kerap antara pendidikan dan pekerjaan, atau kedua-duanya. Kadar pengangguran belia di Kanada dan Amerika Syarikat kekal lebih daripada dua kali ganda untuk orang dewasa (Pertubuhan Buruh Antarabangsa, 2016). Pada 2022, ILO menganggarkan pekerjaan belia global menurun sebanyak 34 juta antara 2019 dan 2020, manakala angka pengangguran belia meningkat sekitar 4 juta pada 2020 (Pertubuhan Buruh Antarabangsa, 2022).

Menurut Dev & Venkatanarayana (2011), kadar pengangguran dalam kalangan orang muda jauh lebih tinggi daripada orang dewasa dalam status pekerjaan biasa dan mingguan. Di India, bilangan belia yang menganggur telah menyaksikan peningkatan daripada 6.5 juta pada tahun 1993-94 kepada 9.5 juta pada tahun 2004-05. Majoriti belia yang menganggur, kira-kira 61 peratus, tinggal di kawasan luar bandar, dan kira-kira 70 peratus daripada mereka adalah lelaki. Walaupun golongan muda hanya membentuk 21 peratus daripada jumlah tenaga kerja dewasa, mereka menyumbang hampir separuh (49%) daripada angka pengangguran keseluruhan. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit penurunan dalam bahagian pengangguran belia berbanding pengangguran dewasa, menurun daripada 52.2 peratus pada tahun 1993-94 kepada 49.0 peratus pada tahun 2004 - 05 (Dev & Venkatanarayana, 2011). Lebih-lebih lagi, belia yang bekerja cenderung mendapat upah yang lebih rendah berbanding orang dewasa. Walaupun pengangguran belia adalah isu yang mendesak, ia hanya satu aspek cabaran yang dihadapi dalam pasaran buruh belia. Disebabkan sejumlah besar pekerja muda terlibat dalam sektor tidak formal atau tidak teratur, maka adalah penting untuk memberi tumpuan untuk meningkatkan pendapatan, produktiviti, keadaan kerja, dan langkah-langkah keselamatan sosial untuk memperbaiki segala keadaan.

Pengangguran belia di Malaysia telah dikenalpasti sebagai kebimbangan utama, terutamanya impak daripada kemajuan teknologi dan kadar pertumbuhan ekonomi struktur yang lebih perlahan (Cheng & Mohamad, 2020). Remaja berisiko lebih tinggi mengalami pengangguran berbanding golongan muda dan graduan. Pengangguran belia kebiasaannya berlaku di negeri-negeri yang berpendapatan rendah, seperti Kelantan, Sabah, dan Terengganu. Keadaan ini juga lebih meluas dalam masyarakat yang kurang bernasib baik dari segi ekonomi. Selain itu, analisis pewujudan pekerjaan dan ciri-ciri tenaga buruh menunjukkan bahawa pengangguran belia di Malaysia dipengaruhi oleh ketidakpadanan antara penawaran dan permintaan buruh, serta jurang maklumat dan proses pepadanan yang tidak berkesan dalam pasaran buruh (Cheng & Mohamad, 2020).

### **Definisi & Metodologi**

Dalam kajian ini, penulis berhasrat untuk menganalisis kadar penyertaan tenaga buruh, nisbah guna tenaga kepada penduduk, kadar pengangguran, dan statistik upah pekerja belia (sektor formal), dengan memberi tumpuan kepada tiga kumpulan umur yang berbeza: belia berumur 15 hingga 24 tahun, 15 hingga 30 tahun dan keseluruhan penduduk bekerja berumur 15 hingga 64 tahun. Merujuk kepada Dasar Belia Malaysia (2015), belia ditakrifkan sebagai individu berumur 15 hingga 30 tahun. Kajian ini akan merangkumi tempoh tertentu, yang melibatkan data dari 2015 hingga 2022. Untuk mengira kadar penyertaan tenaga buruh, nisbah guna tenaga kepada penduduk, dan kadar pengangguran bagi ketiga-tiga kumpulan umur, penulis menggunakan formula standard yang disediakan oleh ILO dan nota teknikal dalam Laporan Survei Tenaga Buruh seperti dibawah:

	Kadar penyertaan tenaga buruh	Nisbah guna tenaga kepada penduduk	Kadar pengangguran
<b>Keseluruhan</b>	$= \frac{\text{Bilangan penduduk dalam tenaga buruh}}{\text{Bilangan penduduk umur bekerja}} \times 100$	$= \frac{\text{Bilangan penduduk bekerja}}{\text{Bilangan penduduk umur bekerja}} \times 100$	$= \frac{\text{Bilangan penganggur dalam tenaga buruh}}{\text{Bilangan penduduk dalam tenaga buruh}} \times 100$
<b>Belia</b>	$= \frac{\text{Bilangan penduduk belia dalam tenaga buruh}}{\text{Bilangan belia}} \times 100$	$= \frac{\text{Bilangan belia bekerja}}{\text{Bilangan belia}} \times 100$	$= \frac{\text{Bilangan penganggur belia dalam tenaga buruh}}{\text{Bilangan penduduk belia}} \times 100$

Analisis data akan melibatkan perbandingan dan perbezaan indikator pasaran buruh antara ketiga-tiga kumpulan umur. Kami juga akan mengkaji trend dari masa ke masa dan meneroka faktor-faktor yang berpotensi yang menyumbang kepada penyertaan tenaga buruh, guna tenaga, dan kadar pengangguran untuk belia dan keseluruhan tenaga buruh.


Kajian ini menggunakan statistik siri masa rasmi yang disusun oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) iaitu Statistik Tenaga Buruh, Statistik Upah Pekerja serta Banci Penduduk & Perumahan berdasarkan ketersediaan data bagi tempoh 2015 hingga 2022. Statistik rasmi untuk capaian umum yang diterbitkan oleh DOSM telah digunakan, sementara beberapa statistik telah dikira oleh penulis berdasarkan sumber data asal. Di samping itu, penulis melaksanakan sorotan kajian berdasarkan artikel jurnal, laporan dan kertas kerja dari laman sesawang yang mendokumentasikan maklumat untuk sebaran. Sumber-sumber ini dianggap sebagai data sekunder.

### Gambaran Keseluruhan Belia dalam Pasaran Buruh Malaysia

Populasi belia berikut merujuk kepada jumlah individu berumur 15 hingga 30 tahun pada tahun 2022. Dalam kes ini, penduduk belia adalah 9,884.5 ribu, mewakili segmen penting penduduk keseluruhan. Tenaga buruh belia terdiri daripada individu dalam populasi belia yang terlibat secara aktif atau mencari pekerjaan. Dalam konteks ini, terdapat 6,112.6 ribu belia yang merupakan sebahagian daripada tenaga buruh. Dalam kalangan tenaga buruh belia, 5,666.3 ribu bekerja, manakala 446.4 ribu belia menganggur. Selain daripada tenaga buruh, terdapat 3,771.9 ribu belia yang dikategori sebagai luar tenaga buruh. Kategori ini merangkumi individu yang tidak mencari pekerjaan atau tidak boleh bekerja atas sebab-sebab melanjutkan pelajaran, masalah kesihatan atau pilihan peribadi [Paparan 1].

Paparan 1:

**Rangka kerja pasaran buruh belia (15-30 tahun), Malaysia, 2022**




Sumber: Pengiraan penulis berdasarkan Survei Tenaga Buruh, DOSM

**Penemuan**

Data berikut mewakili tenaga buruh di Malaysia dari 2015 hingga 2022, dikategorikan kepada tiga kumpulan umur: belia berumur 15 hingga 24 tahun, belia berumur 15 hingga 30 tahun, dan keseluruhan penduduk bekerja berumur 15 hingga 64 tahun. **Carta 1** menunjukkan perubahan bilangan individu dalam kumpulan umur ini yang terlibat secara aktif dalam tenaga buruh sejak 8 tahun yang lalu. Antara 2015 dan 2018, tenaga buruh dalam ketiga-tiga kategori umur menunjukkan trend menaik yang konsisten. Tenaga buruh belia berumur 15 hingga 24 tahun meningkat daripada 2.57 juta pada 2015 kepada 2.69 juta pada 2018, manakala tenaga buruh belia berumur 15 hingga 30 tahun meningkat daripada 5.78 juta kepada 6.07 juta dalam tempoh yang sama. Keseluruhan tenaga buruh penduduk bekerja berumur 15 hingga 64 tahun berkembang daripada 14.52 juta kepada 15.28 juta pada tahun tersebut. Peningkatan ini disebabkan oleh faktor-faktor seperti pertumbuhan penduduk, perubahan dalam keadaan ekonomi, dan peralihan demografi.

Dari 2019 dan seterusnya, walaupun tenaga buruh belia terus mengalami turun naik, tenaga buruh keseluruhan berumur 15 hingga 64 tahun menunjukkan pertumbuhan yang lebih konsisten. Pada tahun 2020, sedikit penurunan diperhatikan dalam tenaga buruh belia, yang boleh dikaitkan dengan gangguan yang disebabkan oleh pandemik COVID-19. Walaupun begitu, tenaga buruh keseluruhan kekal stabil. Tenaga buruh belia meningkat semula pada 2021 dan kemudian merosot lagi pada 2022, membuktikan kesan berterusan dinamik ekonomi dan menggambarkan perubahan dalam trend pendidikan dan pekerjaan. Sepanjang tempoh ini, tenaga buruh keseluruhan meneruskan peningkatan secara beransur-ansur, mencecah 16.02 juta pada tahun 2022, dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti pertumbuhan penduduk dan keadaan pasaran buruh yang berubah-ubah [**Carta 1**].

**Carta 1:**  
**Tenaga buruh mengikut kumpulan umur belia, 2015 – 2022**



**Sumber:** Pengiraan penulis berdasarkan Survei Tenaga Buruh, DOSM


Berdasarkan **Carta 2**, graf tersebut menggambarkan kadar penyertaan buruh di Malaysia dari 2015 hingga 2022, memberi tumpuan kepada tiga kategori demografi: belia (15-24), belia (15-30), dan penduduk bekerja keseluruhan berumur 15 hingga 64 tahun. Sepanjang tempoh lapan tahun, trend dapat diperhatikan untuk setiap kumpulan. Kadar penyertaan dalam kalangan belia (15-24) kekal stabil, daripada sekitar 42.7 peratus pada 2015 kepada 48.7 peratus pada 2021, dengan sedikit penurunan kepada 46.1 peratus pada 2022. Begitu juga bagi belia (berumur 15-30 tahun), kadar penyertaan menunjukkan trend yang konsisten, bermula pada 59.1 peratus pada 2015, mencapai kemuncaknya pada 63.0 peratus pada 2021, dan kemudian menurun sedikit kepada 61.8 peratus pada 2022. Sementara itu, kadar penyertaan keseluruhan bagi penduduk bekerja berumur 15 hingga 64 tahun kekal berterusan, bermula pada 67.9 peratus pada 2015 dan meningkat secara beransur-ansur kepada 69.3 peratus pada 2022. Trend ini menyerlahkan dinamik penyertaan buruh yang berbeza-beza dalam kalangan kumpulan umur yang berbeza di Malaysia sejak 8 tahun yang lalu.

Carta garis yang disediakan menggambarkan nisbah guna tenaga kepada penduduk di Malaysia dari 2015 hingga 2022, memberi tumpuan kepada populasi belia (berumur 15-24 dan 15-30) dan penduduk bekerja keseluruhan (berumur 15-64 tahun). Carta menunjukkan trend dalam perkadaran individu yang bekerja dalam kumpulan umur ini sejak 8 tahun yang lalu. Antara 2015 dan 2018, nisbah guna tenaga kepada penduduk bagi kedua-dua kumpulan umur belia mengalami peningkatan yang stabil. Nisbah belia berumur 15 hingga 24 tahun meningkat daripada 38.1 peratus pada 2015 kepada 39.0 peratus pada 2018, manakala nisbah bagi belia berusia 15 hingga 30 tahun meningkat daripada 55.2 peratus kepada 56.1 peratus dalam tempoh yang sama. Pertumbuhan ini disebabkan oleh pelbagai faktor, misalnya pengembangan ekonomi dan dasar yang disasarkan untuk meningkatkan peluang pekerjaan belia. Nisbah guna tenaga kepada penduduk keseluruhan (berumur 15-64 tahun) juga menunjukkan trajektori menaik yang sama, meningkat daripada 65.8 peratus pada 2015 kepada 66.0 peratus pada 2018.

Walau bagaimanapun, bermula pada tahun 2019, perbezaan ketara dalam trend menjadi jelas. Walaupun nisbah guna tenaga belia kepada penduduk terus meningkat, terutamanya bagi kumpulan umur 15 hingga 30 tahun, masing-masing mencapai 57.2 peratus dan 57.3 peratus pada 2022, nisbah bagi kedua-dua kumpulan umur 15 hingga 24 dan 15 hingga 30 tahun menurun pada 2020, yang mungkin disebabkan oleh kesan pandemik COVID-19 terhadap pasaran buruh. Sebaliknya, nisbah guna tenaga kepada penduduk secara keseluruhan kekal stabil, turun naik sekitar 66.4 peratus

hingga 66.5 peratus dalam tempoh berkenaan. Peningkatan ketara dalam nisbah pekerjaan belia sejak 2019 menunjukkan hasil positif dalam inisiatif pekerjaan belia, walaupun di tengah-tengah cabaran akibat daripada pandemik, sementara nisbah pekerjaan keseluruhan menyerlahkan daya tahan penduduk usia bekerja [Carta 2].

**Carta 2:**  
**Kadar penyertaan tenaga buruh & nisbah guna tenaga kepada penduduk mengikut kumpulan umur, 2015 – 2022**



**Sumber:** Pengiraan penulis berdasarkan Survei Tenaga Buruh, DOSM

Pecahan mengikut kumpulan pekerjaan utama menunjukkan sebab yang jelas untuk diberi perhatian terhadap keadaan pekerjaan belia di Malaysia. Yang paling ketara, kebiasaannya pekerja belia adalah dalam pekerjaan Perkhidmatan dan pekerja jualan, yang telah dikategorikan sebagai pekerjaan separa mahir, telah menyaksikan peningkatan yang luar biasa selama bertahun-tahun sehingga 2021. Pada tahun 2015, pekerjaan belia dalam kategori ini direkodkan 1,334.1 ribu orang. Angka guna tenaga belia dalam kategori ini meningkat secara beransur-ansur dari 2017 hingga 2020, kemudian menunjukkan peningkatan ketara pada 2021 yang direkodkan kepada 1,747.3 ribu orang. Walau bagaimanapun, pada tahun 2022, bilangan belia yang bekerja dalam kategori ini menurun kepada 1,678.5 ribu orang (-68.8 ribu).


Pada masa yang sama, perlu diperhatikan bahawa Pekerja asas, yang biasanya dikategorikan sebagai pekerjaan berkemahiran rendah, telah dilihat sebagai sumbangan kedua terbesar di antara pengasingan pekerjaan dalam komuniti belia bertahun-tahun. Pada tahun 2015, bilangan belia yang bekerja dalam kategori ini berjumlah 934.2 ribu orang dan menunjukkan trend turun naik sehingga tahun 2020. Pada tahun 2021, kategori ini mencatatkan peningkatan ketara dalam bilangan belia bekerja yang mencatatkan kepada 987.8 ribu orang. Walau bagaimanapun, sekali lagi, pada tahun 2022, bilangan belia yang bekerja dalam Pekerjaan asas mencatatkan sedikit penurunan kepada 887.6 ribu orang (-100.1 ribu).

Berdasarkan pekerjaan, peningkatan tahun ke tahun dalam kalangan belia yang bekerja berlaku dalam Profesional profesional, Juruteknik dan profesional bersekutu, dan Operator mesin dan loji, dan pemasang manakala Pengurus, Pekerja sokongan perkeranian, Pekerja perkhidmatan dan

jualan, Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan, Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan dan Pekerjaan asas mencatatkan penurunan. Di samping itu, statistik Survei Tenaga Buruh (STB) menunjukkan bahawa kategori pekerjaan yang memerlukan kemahiran tinggi tidak menonjol dalam tenaga kerja belia [Carta 3].

Carta 3:  
**Belia bekerja (15-30 tahun) mengikut pekerjaan, 2015 – 2022**

Penduduk bekerja belia (15-30 tahun) ('000)




Sumber: Pengiraan penulis berdasarkan Survei Tenaga Buruh, DOSM

Mengikut aktiviti ekonomi, majoriti populasi belia yang bekerja terlibat dalam sektor Perkhidmatan sebagai pekerjaan utama mereka. Menurut Survei Tenaga Buruh, pada tahun 2022, pekerjaan belia dalam sektor Perkhidmatan menyumbang angka terbesar iaitu 3,596.0 ribu orang (63.5%), diikuti oleh sektor Pembuatan mencatatkan 1,111.0 ribu orang (19.6%) dan Pertanian mencatatkan 585.7 ribu orang (10.3%). Sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing merangkumi 344.4 ribu (6.1%) dan 29.2 ribu orang (0.5%). Peningkatan tahun ke tahun dalam kalangan belia bekerja berlaku dalam sektor Pertanian, Perlombongan & kuari, dan Pembuatan manakala Pembinaan dan Perkhidmatan mencatatkan penurunan [Carta 4].

Carta 4:  
**Belia bekerja (15-30 tahun) mengikut sektor ekonomi, 2015 – 2022**

Penduduk bekerja belia (15-30 tahun) ('000)




Sumber: Pengiraan penulis berdasarkan Survei Tenaga Buruh, DOSM

Pengangguran belia Malaysia jauh melebihi kumpulan umur yang lain. Pekerja muda menghadapi keadaan pasaran buruh yang sangat mencabar sebaik sahaja memasuki tenaga kerja. Sementara itu, kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 30 tahun pada 2015 ialah 6.5 peratus dan meningkat sedikit kepada 6.8 peratus pada 2016. Kadar pengangguran belia kekal stabil pada 6.7 peratus pada 2017 dan terus berlegar sekitar 6.8 dan 6.7 peratus masing-masing pada 2018 dan 2019. Pada 2020, kadar pengangguran belia meningkat dengan ketara kepada 8.3 peratus. Peningkatan mendadak ini disebabkan oleh kesan pandemik, yang menyebabkan penutupan perniagaan yang meluas, kehilangan pekerjaan, dan ketidaktentuan ekonomi. Kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 30 tahun menurun sedikit kepada 8.1 peratus pada 2021 dan seterusnya menurun kepada 7.3 peratus pada 2022. Penurunan seterusnya menunjukkan pemulihan dan penyesuaian secara beransur-ansur terhadap keadaan baharu daripada kesan pandemik.

Walau bagaimanapun, perlu diperhatikan bahawa kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun masih berada pada kadar dua digit iaitu 11.7 peratus, lebih daripada paras terendah dalam tempoh dua tahun tetapi kekal lebih tinggi daripada sebelum pandemik (2019: 10.5%). Seperti yang dibentangkan dalam Carta 5, kadar pengangguran belia Malaysia (15 hingga 24 tahun) meningkat secara beransur-ansur daripada 10.5 peratus pada 2016 kepada 10.9 peratus pada 2018. Kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 24 tahun yang sebelum ini naik beberapa kali, meningkat daripada 10.5 peratus pada 2019 kepada 12.0 peratus pada 2020 semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kekurangan pemulihan dalam segmen belia menimbulkan kekangan terhadap pekerja muda dalam pasaran buruh. Belia cenderung mempunyai masa yang lebih sukar untuk mencari pekerjaan yang relevan kerana mereka tidak mempunyai sejarah kerja, pengalaman dan rangkaian kerjaya. Pada 2021, kadar pengangguran belia (15 hingga 24 tahun) menunjukkan penurunan ketara pada 11.3 peratus dalam tempoh pemulihan pandemik. Bagaimanapun, pada 2022, kadar pengangguran belia menunjukkan peningkatan sebanyak 0.4 peratus untuk merekodkan 11.7 peratus dan menunjukkan trend bertentangan daripada kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 30 tahun (7.3%) dan kadar pengangguran keseluruhan (3.9%) [Carta 5].

Carta 5:  
Kadar pengangguran mengikut kumpulan umur belia 2015 - 2022



Sumber: Pengiraan penulis berdasarkan Survei Tenaga Buruh, DOSM

Melihat kepada luar tenaga buruh belia, sebahagian besar iaitu 76.2 peratus tidak mencari kerja pada 2022 adalah disebabkan program persekolahan atau latihan. Bilangan luar tenaga buruh dalam kategori ini menurun sebanyak 1.6 peratus (-46.8 ribu) berbanding 2021 atau bersamaan 2.9 juta orang. Kerja rumah berada di tempat kedua dengan sumbangan 16.6 peratus, atau 624.4 ribu orang. Jumlah dalam kategori ini meningkat sebanyak 0.3 peratus (+2.2 ribu) berbanding pada tahun 2021. Sementara itu, sebanyak 7.2 peratus luar tenaga buruh yang tidak mencari kerja kerana sebab-sebab lain meningkat sebanyak 108.8 peratus (+142.7 ribu) tahun ke tahun kepada 131.1 ribu orang. Istilah "lain-lain" merujuk kepada individu yang sedang mengejar pengajian lanjutan, mereka yang mempunyai kecacatan, mereka yang tidak berminat atau yang baru sahaja menamatkan pengajian mereka, serta mereka yang bersara atau berusia tua [Paparan 2].

Paparan 2:

Luar tenaga buruh belia (15-30 tahun) mengikut sebab tidak mencari kerja, 2022

	2022	Peratus perubahan (tahun-ke-tahun)
	Orang ('000) (Sumbangan peratus)	
Besekolah/ program latihan	2,873.8 (76.2%)	▼ -1.6% 2021: 2,920.6 (79.5%)
Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga	624.4 (16.6%)	▲ 0.3% 2021: 622.4 (16.9%)
Lain-lain*	273.8 (7.2%)	▲ 108.8% 2021: 131.1 (3.6%)


\*merujuk kepada orang yang melanjutkan pelajaran, kurang upaya, tidak berminat/ baru tamat pengajian dan bersara/ lanjut umur

Sumber: Pengiraan penulis berdasarkan Survei Tenaga Buruh, DOSM

### Statistik Upah Pekerja

Melihat kepada statistik upah berdasarkan laporan DOSM iaitu Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), ST1 2023, kenaikan upah pekerja formal belia direkodkan pada Mac 2023 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Berdasarkan tiga kelas kumpulan umur belia yang berbeza, upah pekerja belia yang diperoleh meningkat dalam ketiga-tiga kategori. Pada Mac 2022, belia berumur bawah 20 tahun mempunyai median upah bulanan sebanyak RM1,200, yang terus meningkat kepada RM1,500 pada Mac 2023, menunjukkan peningkatan tertinggi (+25.0 peratus). Pada Mac 2023, belia berumur 20 hingga 24 tahun mencatatkan pertumbuhan 14.9 peratus untuk merekodkan median upah bulanan RM1,682 (Mac 2022: RM 1,464), manakala belia berumur 25 hingga 29 tahun juga meningkat 9.7 peratus untuk merekodkan median upah bulanan RM2,327 (Mac 2022: RM 2,122) [Carta 6].

Carta 6:  
**Median upah bulanan pekerja formal, Mac 2022 & Mac 2023**



Sumber: Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal), DOSM

### Perbincangan dan Kesimpulan

Setelah mengkaji keadaan pekerjaan belia Malaysia semasa, pengangguran belia kekal menjadi kebimbangan utama, dengan pencari kerja golongan belia menghadapi kesukaran untuk memasuki tenaga kerja disebabkan oleh faktor-faktor seperti pengalaman kerja yang terhad, ketidakpadanan kemahiran dan pasaran kerja yang kompetitif. Pandemik COVID-19 juga telah memburukkan lagi cabaran ini, yang membawa kepada kehilangan pekerjaan dan mengurangkan pengambilan pekerja dalam sektor tertentu. Kadar pengangguran belia (15 hingga 30 tahun) di Malaysia kekal dua kali ganda bagi keseluruhan kadar pengangguran penduduk Malaysia.

Walau bagaimanapun, kerajaan Malaysia telah menunjukkan komitmennya untuk menangani pengangguran belia melalui pelbagai inisiatif dan program. Salah satu inisiatif tersebut ialah program ‘Pengecualian Cukai Pekerjaan’ di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi kerajaan Malaysia. Di bawah program Pengecualian Cukai Pekerjaan, majikan di Malaysia layak mendapat pengecualian cukai bagi pengambilan pekerja baharu yang pastinya bertujuan untuk menggalakkan pewujudan pekerjaan dan mengurangkan pengangguran, terutamanya dalam kalangan belia. Di samping itu, kerajaan melalui Human Resources Development Fund (HRDF) menawarkan pelbagai program

latihan, termasuk memberi tumpuan kepada belia, untuk meningkatkan kemahiran dan melatih semula tenaga kerja dan meningkatkan kebolehpasaran mereka. Di samping itu, memperluaskan peluang pekerjaan kepada golongan belia, memastikan pekerjaan tersedia dan boleh diakses perlu dikenal pasti. Ini sejajar dengan SDG 8.5, yang memberi tumpuan kepada mencapai pekerjaan wajar dan produktif untuk semua, termasuk golongan belia.

Kesimpulannya, kajian semula pekerjaan belia di Malaysia menyumbang kepada agenda yang lebih luas untuk mencapai pekerjaan yang wajar seperti yang digariskan dalam SDG. Dengan mengkaji cabaran yang dihadapi oleh pencari kerja belia dan cadangan penyelesaian yang disasarkan, kajian ini menyokong usaha untuk mewujudkan peluang pekerjaan, memastikan gaji yang adil dan perlindungan sosial, menggalakkan pembangunan kemahiran, memupuk keterangkuman, dan memacu pertumbuhan ekonomi yang mampan. Dengan menangani isu-isu ini, Malaysia boleh membuat kemajuan penting ke arah merealisasikan SDG 8 dan memupuk masyarakat yang lebih saksama dan makmur.

### Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan DOSM.

### Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Yong Joo Chiet, Zainol Jamil dan Jamaliah Jaafar dari Biro Statistik Buruh Malaysia yang telah menyumbangkan pandangan, kepakaran dan bimbingan dalam penghasilan dan penambahbaikan artikel ini.

### Rujukan

- Cheng, C., & Mohamad, J. (2020). Youth unemployment in Malaysia & the region. *Young*, 10, 15.
- Dev, S. M., & Venkatanarayana, M. (2011). Youth employment and unemployment in India. Mumbai: Indira Gandhi Institute of Development Research.
- Haji, S. H. H. (2007). Labour market participation among youth in the Middle East and North Africa and the special challenges faced by Young Women. *The Youth Employment in East Africa*, 1(2).
- International Labour Organization (2016). Gaps in Gender and Youth Labour Market Outcomes in the Arab States, 2015.
- International Labour Organization (2018). World Employment and Social Outlook Trends 2018: Employment and Social Trends by Region.
- International Labour Organization (2021). Global Employment Trends for Youth 2022.
- L. Canlas, M. E., & R. Pardalis, M. C. (2009). Youth Employment in the Philippines ILO Asia Pacific Working Paper Series - International Labour Organization.
- United Nations. (2020). Sustainable Development Goals.
- World Economic Forum (2015). The Human Capital Report 2015: Employment, Skills and Human Capital Global Challenge Insight Report.

**JADUAL STATISTIK ST2**

**2023**

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**

Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST3 2020 - ST2 2023

1. Profil Kadar Penyertaan Tenaga Buruh

Indikator	Unit	2020		2021				2022				2023	
		ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2
<b>Kadar penyertaan tenaga buruh</b>	(%)	68.4	68.5	68.6	68.3	68.3	68.7	69.0	69.2	69.4	69.5	69.8	70.0
<b>Jantina</b>													
Lelaki	(%)	80.5	80.7	80.9	80.8	80.9	81.0	81.5	81.8	82.1	82.3	82.6	82.8
Perempuan	(%)	55.3	55.3	55.4	55.0	55.0	55.4	55.6	55.8	55.8	55.9	56.1	56.2
<b>Kumpulan umur</b>													
15-24	(%)	41.8	42.4	43.2	42.8	42.6	43.6	45.2	45.4	45.7	45.7	46.5	46.1
25-34	(%)	84.5	85.5	83.9	85.3	83.7	87.4	87.4	87.9	87.1	86.9	87.3	88.1
35-44	(%)	83.1	83.0	86.1	84.1	85.9	86.6	84.6	84.6	85.2	86.8	86.2	86.0
45-54	(%)	78.3	77.1	76.3	77.0	76.8	74.4	75.2	75.5	75.1	73.9	76.2	76.0
55-64	(%)	53.6	51.8	49.9	48.6	48.4	43.1	44.0	44.2	46.3	46.3	44.2	45.6
<b>Jantina dan Kumpulan umur</b>													
<b>Lelaki</b>	(%)	80.5	80.7	80.9	80.8	80.9	81.0	81.5	81.8	82.1	82.3	82.6	82.8
15-24	(%)	49.9	50.7	52.1	48.5	51.8	56.5	57.9	56.7	56.7	58.4	60.5	58.8
25-34	(%)	94.9	95.6	92.4	93.8	93.5	92.8	93.5	95.8	94.7	95.3	94.0	96.2
35-44	(%)	97.3	97.7	97.4	97.1	97.3	96.5	97.3	95.3	97.7	96.6	97.7	97.9
45-54	(%)	95.2	92.4	95.4	95.6	94.4	96.6	95.0	95.3	95.1	93.8	95.4	93.4
55-64	(%)	69.3	69.4	72.7	76.9	70.7	62.4	61.5	64.2	65.7	65.0	62.5	65.4
<b>Perempuan</b>	(%)	55.3	55.3	55.4	55.0	55.0	55.4	55.6	55.8	55.8	55.9	56.1	56.2
15-24	(%)	33.1	33.4	33.3	36.4	32.4	29.4	31.2	33.0	33.7	31.7	31.1	32.1
25-34	(%)	72.8	74.1	74.4	75.6	72.8	81.3	80.6	79.1	78.6	77.5	79.7	79.1
35-44	(%)	67.4	67.2	74.0	70.5	73.8	75.9	71.2	73.2	72.0	76.5	74.0	73.2
45-54	(%)	61.1	61.7	57.3	59.2	59.3	52.0	55.3	55.6	55.2	53.9	57.0	58.5
55-64	(%)	37.3	33.2	27.0	21.7	27.3	23.6	26.5	24.2	26.6	27.6	25.8	25.7
<b>Kumpulan etnik</b>													
Warganegara	(%)	66.1	67.0	67.2	66.6	66.6	67.3	67.6	67.8	67.9	68.0	68.2	68.4
Bumiputera	(%)	64.4	65.2	64.9	65.8	66.0	65.7	65.9	66.1	66.1	66.1	66.2	66.8
Cina	(%)	71.4	71.3	72.3	69.6	68.7	71.2	72.5	73.0	72.6	73.2	73.3	72.9
India	(%)	66.0	70.8	71.8	63.5	66.4	69.1	67.7	65.9	68.8	69.9	70.5	69.1
Lain-lain	(%)	61.7	66.7	65.5	90.2	67.2	68.3	68.9	77.4	81.5	73.0	75.2	70.5
Bukan warganegara	(%)	84.9	79.3	79.1	80.2	80.6	79.0	79.5	80.4	80.6	80.8	81.2	82.0
<b>Pencapaian pendidikan</b>													
Tiada pendidikan rasmi	(%)	58.7	55.9	58.7	62.3	61.2	63.4	62.7	67.4	65.2	61.7	63.5	61.7
Rendah	(%)	70.7	69.9	69.1	67.2	66.2	68.4	66.9	68.6	69.5	69.2	68.8	68.1
Menengah	(%)	66.9	63.6	64.8	66.2	67.0	67.1	67.0	66.8	67.4	67.5	67.7	67.4
Tertiari	(%)	71.4	79.0	77.3	73.3	72.4	72.4	74.4	74.6	73.8	74.5	74.8	76.8

Sumber: Laporan Tenaga Buruh, Malaysia, ST2 2023, DOSM

Jadual A: Penawaran Buruh, Malaysia, ST3 2020 - ST2 2023

2. Profil Tenaga Buruh

Indikator	Unit	2020		2021				2022				2023	
		ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2
<b>Tenaga buruh</b>	( <sup>'000</sup> )	15,840.6	15,922.3	16,008.4	15,972.2	16,021.0	16,135.0	16,246.1	16,343.3	16,442.9	16,542.2	16,648.9	16,727.4
<b>Jantina</b>													
Lelaki	( <sup>'000</sup> )	9,689.3	9,738.4	9,778.9	9,729.1	9,772.6	9,858.4	9,929.2	9,979.6	10,057.6	10,118.8	10,186.3	10,240.7
Perempuan	( <sup>'000</sup> )	6,151.3	6,183.9	6,229.5	6,243.1	6,248.4	6,276.6	6,316.9	6,363.7	6,385.3	6,423.3	6,462.5	6,486.7
<b>Kumpulan umur</b>													
